

**Jilid I
Bil. 17**



**Hari Rabu
3hb November, 1982**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1963]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 [Ruangan 1994]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1983 [Ruangan 1994]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang
Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Seremban).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu
Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ MENTERI TENAGA, TELEKOM DAN POS, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Konowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' NEO YEE
PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JONED D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.P.M.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK MAK HON KAM D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S. (Pulai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penmerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR LING LIONG SIK D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., (Kuala Kerai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Tuan Bujang bin Haji Ulis (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI SYED MOHD., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Intan).
- „ SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATO' HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMAD HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HON NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).

- Yang Berhormat TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).
- „ TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Seratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ TUAN AHMAD SHAH BIN DATO' HUSSEIN TAMBAKAU (Keniangau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHANG KUAI (Lumut).
- „ DATO' NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.N., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRIK ANAK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN SAIDIN BIN MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).

Yang Berhormat WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
,, WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
,, TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
,, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
,, TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
,, DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 3hb November, 1982

Mesyuarat dimulakan pada 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

WANG BANTUAN BULANAN- MEMOTONG

1. **Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan mengapakah Kementerian beliau telah memotong di antara \$5 hingga \$25 daripada wang bantuan bulanan yang diberi kepada orang miskin dan kehilangan upaya dan adakah ini suatu langkah yang bijak memandangkan tekanan inflasi yang menimpa lebih berat ke atas orang miskin dan kehilangan upaya.

Setiusaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya terpaksa mengurangkan kadar bantuan oleh sebab sebanyak \$3.67 juta telah dipotong dari jumlah peruntukan bagi bantuan kepada orang-orang yang memerlukan. Walau bagaimanapun, perkara ini telah ditimbang semula dan sukacita saya memaklumkan bahawa potongan \$3.67 juta itu telah dikembalikan kepada Kementerian saya untuk mencukupkan bayaran bantuan mengikut kadar yang lama.

Tuan Haji Azharul bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, apabila kadar yang lama itu dibayar, adakah diberi wang

kebelakangan kepada orang-orang yang tidak berupaya dan yang miskin itu? Soalnya ialah adakah diberi?

Tuan Jawan anak Empaling: Ya.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang di-Pertua, bantuan am yang diberi oleh Kementerian Kebajikan Am sekarang adalah tersangat kurang sekiranya dibandingkan dengan taraf kehidupan sekarang. Adakah Kementerian berkenaan akan menambah bantuan am tersebut?

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, dari masa ke semasa Kementerian saya memang ada membincang dan merundingkan perkara ini tetapi pada masa sekarang kita belum ada cadangan hendak menambahkan dari kadar yang ada sekarang.

PANDANG KE TIMUR—KURIKULUM SEKOLAH

2. **Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau bercadang hendak mengkaji dan memasuki unsur-unsur yang sesuai dengan dasar "Pandang ke Timur" ke dalam kurikulum sekolah-sekolah di negara kita. Jika ya, apakah langkah yang diambil menuju ke arah ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, dasar "Pandang ke Timur" Kerajaan adalah bertujuan antara lain supaya rakyat negara ini mengambil contoh dan tauladan yang baik daripada bangsa-bangsa Jepun dan Korea yang telah mencapai kemajuan hasil daripada sikap rajin, gigih, kreatif dan amanah mereka dan menanamkan nilai dan sikap yang tersebut itu sehingga menjadi pegangan hidup rakyat

negara ini. Dalam melaksanakan perakuan-perakuan Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan tahun 1979 untuk mengubah semula kurikulum sekolah, Kementerian Pelajaran telah dan akan mengambil langkah-langkah yang sejajar dengan dasar tersebut. Dalam kurikulum baru sekolah rendah yang akan dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 1983 satu matapelajaran baru telah diperkenalkan iaitu Pendidikan Moral yang melaluinya murid-murid akan dipupuk dengan nilai-nilai yang baik seperti kerajinan kejujuran dan berterima kasih. Nilai-nilai yang sama juga terkandung di dalam matapelajaran Agama Islam.

Tuan yang di-Pertua, dalam menggubal semula kurikulum sekolah menengah yang sekarang ini sedang peringkat perancangan, penanaman dan pemupukan nilai-nilai yang tersebut itu akan diteruskan. Selain daripada itu kandungan beberapa matapelajaran tertentu seperti Mathematics, Science, Teknik dan Vokasional akan diselaraskan dengan dasar "Pandang ke Timur" ini untuk meningkatkan kecekapan dan mutu kerja rakyat negara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Untuk menyesuaikan kurikulum baru mengikut polisi "Pandang ke Timur" dan mengikut Jepun sebagai contoh, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah unsur-unsur, kebudayaan atau sejarah Jepun yang akan dimasukkan dalam kurikulum? Adakah murid-murid kita akan belajar mengenai Samurai atau Ninja apakah unsur-unsur Jepun yang sedang diproses, ditimbang untuk dimasukkan dalam kurikulum yang baru?

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan disiapkan pada tahun 1979 sebelum kita membuat pengumuman berkenaan "Pandang ke Timur" dan di dalam Laporan Kabinet ini kerajaan telahpun menentukan kita harus di sekolah rendah dan juga di sekolah menengah mengkaji semula kurikulum-kurikulum yang ada pada masa sekarang diubahkan untuk sesuai dengan industrialization dan zaman

untuk menggunakan teknologi dan untuk kita boleh memberi pelajaran yang bermutu dan juga menanam sikap rajin dan sense of value yang kita ingat sesuai dengan zaman ini, kita juga mengkaji sedikit sebanyak values yang ada di Jepun tetapi bukan untuk melatih kanak-kanak kita menjadi Samurai atau Ninja.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran tadi nampaknya Kementerian sedang mengubah semula kurikulum pelajaran dan itu di dalam perancangan sekarang ini supaya murid-murid rajin, creative, disiplin dan matapelajaran yang bermoral. Adakah Kerajaan bercadang hendak mencekapkan, membuat murid-murid cekap sepertimana dalam pemerintahan Jepun 3 tahun 8 bulan dahulu, dalam masa tidak sampai setahun semua orang boleh bercakap Jepun, semua orang boleh berperangai Jepun. Adakah itu termasuk di dalam kurikulum yang dirancangkan?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan itu adalah di luar daripada soalan asal.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian yang berkenaan bercadang juga untuk mengkaji unsur-unsur keruntuhan moral yang berlaku di kalangan penuntut-penuntut di sekolah menengah Jepun yang khabarnya baru-baru ini berlipat kali ganda—lebih daripada 4 kali ganda pelajar-pelajar sekolah menengah Jepun yang hamil dalam masa 14 tahun yang akhir ini.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan tadi, dasar pelajaran negara kita dan kurikulum baru ini, akan memberi kepentingan untuk matapelajaran moral dan matapelajaran agama Islam untuk murid-murid yang beragama Islam. Apa yang telah terjadi di sekolah-sekolah Jepun dan dasar pelajarannya negara itu tidak ada berkaitan dengan negara kita. Tetapi analisa akademik boleh dibuat untuk apa sudah jadi di sekolah-sekolah Jepun. Kementerian Pelajaran ada garis panduan untuk

melaksanakan dasar pelajaran dan sampai peringkat sekarang kita tidaklah menghadapi masalah-masalah berkenaan disiplin atau moral.

Tuan Mokhtaram bin Rabidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk mengikut cara pendidikan jasmani yang dibuat oleh sekolah-sekolah Jepun dengan melalui radio (Rajio Taiso) dengan secara beramai-ramai sebelum pelajaran pagi dijalankan.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, kita berharaplah selepas kita mengadakan tenaga elektrik ke semua kawasan di luar bandar, barangkali kita boleh menggunakan pendidikan jasmani dan lain-lain melalui radio tetapi pada peringkat sekarang walaupun saya tahu kita boleh menggunakan radio dengan cara bateri tetapi kita tidak ingin mengikut cara Jepun itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya kalau kita pandang ke Timur tidak semua yang ada di Timur, di Jepun itu baik. Begitu juga dalam bahagian kurikulumnya yang kita dapati bahawa beratus-ratus ribu anak-anak muda Jepun menganggur (tidak ada kerja) dengan kurikulum yang ada. Jadi, sejauh manakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian ini untuk mengkaji kurikulum yang ada di negeri Jepun dan membuat perubahan yang dicadangkan itu.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, barangkali tadi ada sedikit salah faham. Saya tidak berkata kita akan mengikut kurikulum Jepun, kita ada kurikulum

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jawapan itu sudah jelas.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Jepun mempunyai unsur-unsur yang baik tetapi bagaimanakah Kementerian Pelajaran akan menentukan unsur-unsur yang tidak baik seperti persefahaman ketenteraan dan sikap tidak berperi kemanusiaan di dalam

perdagangan dan sebagainya tidak dimasukkan ke kurikulum-kurikulum sekolah kita. Bagaimanakah Kementerian Pelajaran akan menentukan unsur-unsur yang tidak baik ini tidak dimasukkan ke kurikulum?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan itu tidak bersangkut.

Tuan Ismail bin Said: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran ada menyatakan sifat-sifat yang harus kita contohi daripada negara-negara Timur iaitu daripada Jepun dan juga Korea. Jadi, saya ingin tahu sama ada beliau bersetuju bahawa untuk memahami sifat-sifat yang disebutkan tadi kita juga mesti memahami bahasa-bahasa di negara-negara yang berkenaan. Jika demikian, adakah pihak Kementerian bercadang dalam mata-pelajarannya mengadakan bahasa-bahasa Jepun ataupun Korea sebagai matapelajaran untuk peperiksaan.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, nilai-nilai yang baik yang saya sebutkan tadi bukan hanya ada di Jepun, nilai ini pun sekarang ada di masyarakat kita dan di negara kita sendiri, hanya kita akan memberi perhatian yang lebih terhadap nilai-nilai itu.

Berkenaan common values yang ada di Jepun untuk kita memahami lebih sociology di Jepun, kita pun ada cadangan mengadakan language courses untuk pelajar-pelajar kita untuk menyediakan mereka apabila mereka sampai ke institusi-institusi tertinggi di Jepun merekapun bolehlah ada pengalaman untuk mengikuti kursus-kursus di negeri Jepun.

RANCANGAN BEKALAN SUSU KE SEKOLAH-SEKOLAH DI SABAH

3. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar terdapatnya aduan bahawa susu yang dibekalkan kepada murid-murid di Sabah adalah tidak segar dan sesuai untuk diminum dan telah membahayakan kesihatan murid-murid sekolah dan adakah Kementerian beliau akan menyasiat perkara tersebut bagi memastikan susu yang dibekalkan kepada murid-murid di Sabah adalah segar dan sesuai untuk diminum.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya belum menerima aduan secara rasmi bahawa susu yang telah dibekalkan kepada murid-murid sekolah di Sabah adalah tidak segar dan tidak sesuai untuk diminum.

Saya difahamkan bahawa Rancangan Bekalan Susu ke Sekolah-sekolah yang sedang dilaksanakan oleh Yayasan Sabah adalah satu Rancangan anjuran Kerajaan Negeri Sabah semenjak tahun 1981. Rancangan Bekalan Susu ini adalah selain daripada Rancangan Makanan Tambahan di Sekolah Rendah yang dilaksanakan oleh seluruh Kementerian Pelajaran di seluruh Malaysia.

Satu Jawatankuasa Bersama di peringkat Negeri yang disertai oleh Pejabat Pelajaran Negeri, Jabatan Kesihatan dan Perubatan Negeri, Yayasan Sabah adalah bertanggungjawab untuk mengawasi pelaksanaan Rancangan ini. Pihak sekolah-sekolah yang terlibat dalam Rancangan ini menghantar laporan bulanan kepada Jawatankuasa ini. Selain daripada itu, Pegawai Luar Yayasan Sabah juga melawat sekolah-sekolah dari masa ke semasa untuk mendapat maklumbalas secara langsung mengenai bekalan susu.

Biasanya satu pasukan khas yang dianggotai oleh Pegawai-pegawai dari Jabatan Pelajaran Negeri dan agensi-agensi lain yang berkenaan, adalah ditugaskan untuk menyiasat semua masalah yang telah dilaporkan dan mengambil keputusan-keputusan tentang cara-cara mengatasinya. Pihak sekolah-sekolah telah pun diberi panduan dan tunjukajar mengenai cara-cara meninjau keadaan susu serta langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengganti susu yang didapati tidak sesuai untuk minum dengan susu dari setok baru.

Memandang kepada semua peraturan yang sedia ada untuk mengawal dan mengawasi Rancangan Bekalan Susu ke Sekolah-sekolah di Sabah, maka saya tidak bercadang untuk mengadakan suatu siasatan khas atas Rancangan ini pada masa sekarang.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah hasil dari sudut fizikal dan mental murid-murid yang menerima bantuan Amalan Makanan dan Pemakanan ini iaitu termasuk peminuman susu dan makan pagi di sekolah-sekolah. Berapakah jumlah perbelanjaan perbekalan bahan susu kepada sekolah-sekolah di Semenanjung pada 1982 dan berapa pula jumlah peruntukan AMP atau Amalan Makanan dan Pemakanan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini soalan lain.

Yang Berhormat Tuan Awang bin Jabar.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Awang bin Jabar tidak hadir).

PAKAR PERBIDANAN DAN SAKITPUAN HOSPITAL DAERAH BUKIT MERTAJAM

5. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar Pakar Perbidanan dan Sakitpuan di Hospital Daerah Bukit Mertajam telah ditukar sejak setengah tahun yang lalu, dan sama ada beliau bersetuju bahawa tanpa pakar tersebut sebarang bahaya mungkin berlaku kepada perempuan yang bersalin; dan jika sedar, sama ada beliau akan mengambil tindakan menghantar seorang pakar ke hospital itu dan bila.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Pakar Perbidanan dan Sakitpuan di Hospital Daerah Bukit Mertajam telah ditukar sejak 1.4.1982. Kementerian sedang berusaha untuk menempatkan seorang Pakar Perbidanan dan Sakitpuan di Hospital Daerah Bukit Mertajam dengan seberapa segera yang boleh. Walau bagaimanapun, saya suka menyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa Pegawai-pegawai Perubatan yang ada di Hospital itu mempunyai kemampuan untuk mengendalikan kes-kes ibu mengandung. Sekiranya terdapat sebarang masalah yang tidak dapat dikendalikan oleh Pegawai

Perubatan berkenaan, maka kes-kes itu dihantar dengan serta-merta ke Hospital Besar Pulau Pinang untuk rawatan selanjutnya.

DUTA DAN PESURUHJAYA TINGGI—KESELAMATAN

6. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah keselamatan yang diambil untuk memastikan keselamatan Duta-duta dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi kita di seberang laut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita memang mengambil langkah-langkah sewajarnya dalam memastikan keselamatan Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi kita di seberang laut terjamin. Walaupun begitu, saya tidak dapatlah memperincikan di sini butir-butir mengenai langkah-langkah itu kerana ianya mungkin tidak akan efektif lagi jika diketahui umum.

Berkaitan dengan hal yang sama juga sukacitalah saya memberitahu bahawa adalah menjadi obligasi negara-negara tuan rumah di bawah Perjanjian Vienna mengenai tata laku perhubungan diplomatik antarabangsa untuk memberi perlindungan keselamatan secukupnya kepada para diplomatik lebih-lebih lagi kepada para Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi yang berkhidmat di negara mereka.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah para diplomatik kita pernah terancam sepanjang ini?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tidak pernah.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapannya tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyebut bahawa di bawah Perjanjian Vienna negara-negara tuan rumah adalah berkewajipan memberi perlindungan kepada diplomat-diplomat negara lain yang ada

dalam negeri itu. Soalan saya adakah beliau sedar bahawa di kebanyakan negara apabila berlaku kekacauan, rusuhan dan espionage, maka perlindungan yang diberikan oleh Perjanjian Vienna itu kadangkala tidak berkesan dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Malaysia untuk menentukan bahawa Perjanjian Vienna itu benar-benar berkesan sama ada melalui pindaan kepada Perjanjian itu atau sebagainya.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, Perjanjian Vienna itu bukan sahaja memberi satu privileg kepada diplomat-diplomat asing tetapi juga mengenakan tanggungjawab. Mereka terpaksa juga menghormati segala apa yang perlu mereka lakukan di bawah Convention Vienna ini. Oleh itu kalaulah mereka menjalankan kegiatan-kegiatan espionage maka sudah tentulah Perjanjian Vienna ini tidak memberi perlindungan kepada mereka dan Kerajaan kita berhak mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya.

Tuan Hassan bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pihak Kementerian yang berkenaan bercadang ataupun telah membekalkan pakaian bulletproof kepada Duta-duta kita dan Pesuruhjaya kita di luar negeri untuk keselamatan mereka pada masa depan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memikirkan bahawa perkara itu tidak perlu.

SKIM PINJAMAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM

7. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah Pinjaman Perumahan Kakitangan Kerajaan ditutup, sedangkan Tabung Kewangan Pinjaman Perumahan yang diluluskan oleh Parlimen sebanyak \$1,500 juta itu masih wujud dan pusingan kewangannya berjalan begitu cergas dan ini kemungkinan tidak akan menjejaskan keadaan ekonomi negara sekarang ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan tidak mengambil tindakan menutup Skim Pinjaman Perumahan bagi kakitangan sektor awam. Sungguhpun begitu, memandangkan kepada keadaan ekonomi negara semasa Kerajaan telah mengubahsuaikan syarat-syarat memberi pinjaman perumahan. Pengubahsuaian ini adalah buat sementara waktu sahaja dan akan ditarik balik sebaik sahaja keadaan kewangan negara pulih semula.

Untuk makluman Yang Berhormat pengubahsuaian ini adalah terkandung di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 22 Tahun 1982 di mana permohonan kakitangan sektor awam yang berikut tidak dapat dipertimbangkan:

- (i) Mereka yang telah mempunyai rumah yang didaftarkan dalam nama sendiri atau suami/isteri;
- (ii) Mereka yang berumur kurang daripada 30 tahun; dan
- (iii) Mereka yang ingin mengambil pinjaman kedua untuk membuat kerja tambahan atau membeli rumah yang lebih besar dengan menjual harta lama.

Mengenai peruntukan yang diluluskan oleh Parlimen bagi maksud Kumpulanwang Pinjaman Perumahan peruntukan ini tidak mencukupi jika semua permohonan yang diterima perlu diberi pertimbangan kerana pinjaman yang dikeluarkan hanya dapat dikutip balik dengan sepenuhnya dalam tempoh 25 tahun.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah wang \$1,500 juta ini telah pun digunakan untuk pinjaman perumahan ataupun masih lagi ada berbaki?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sejumlah wang yang diperuntukan untuk Rancangan Malaysia Keempat adalah \$2,410 juta dan adalah baki lagi.

Tuan Peter Chin Gan Oon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sektor pembinaan merupakan sektor ekonomi yang paling pesat serta diharapkan menyediakan dorongan kepada ekonomi seluruhnya. Untuk menggalakkan sektor pembinaan ini, mahukah Kerajaan mengeneipkan pembekuan separuh pinjaman perumahan Kerajaan kepada kakitangan Kerajaan?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah diminta ulangi soalan itu?

Tuan Peter Chin Gan Oon: Tuan Yang di-Pertua, sektor pembinaan merupakan sektor ekonomi yang paling pesat serta diharapkan menyediakan dorongan kepada ekonomi seluruhnya. Untuk menggalakkan sektor pembinaan mahukah Kerajaan mengeneipkan pembekuan separuh pinjaman perumahan Kerajaan kepada kakitangan Kerajaan?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah nyatakan tadi tidak ada freeze, tidak ada pembekuan pada masa ini, hanya beberapa sekatan-sekatan sahaja yang dibuat. Dan seperti saya telah nyatakan tadi juga, apabila keadaan ekonomi negara kita pulih balik, ini akan di unfreeze.

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan harga-harga rumah yang sekarang ada turun di lingkungan 10% hingga 20% bermakna bahawa kakitangan-kakitangan Kerajaan boleh membeli rumah yang lebih murah sekarang, adakah Kerajaan bercadang untuk melonggarkan sekatan-sekatan yang disebutkan itu supaya kakitangan-kakitangan Kerajaan boleh membeli rumah pada masa rumah itu murah?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah cadangan yang baik jikalau keadaan ekonomi negara kita juga baik, tetapi sekatan-sekatan yang dibuat ini adalah bergantung kepada kemampuan negara kita untuk memberi perkhidmatan ini.

Tuan Lim Liang Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri penyesuaian

telah diadakan dengan mengadakan sekatan-sekatan baru. Oleh kerana sekatan-sekatan itu telah diadakan baru-baru ini dengan tiba-tiba melalui satu pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya ingin tahu bilangan permohonan pinjaman perumahan yang telah tergendala kerana disebabkan sekatan-sekatan yang telah diadakan itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan itu saya fikir perlu memberi notis, tetapi boleh dijawab jika Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tidak.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Syarat had umur 30 tahun untuk mendapatkan pinjaman perumahan ini menyebabkan ramai yang tidak layak memohonnya walhal mereka telahpun mendirikan rumahtangga dan seperti maklum pada zaman ini orang-orang suka berkahwin semasa umur mereka masih muda-muda lagi. Adakah Kerajaan bercadang untuk menarik balik syarat ini.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, tidak.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri Kewangan adakah Kementerian bercadang menaikkan kadar pinjaman wang untuk membeli rumah untuk Ahli-ahli Parlimen oleh sebab \$60,000 ini tidak mencukupi untuk membeli apa-apa pun.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kami suka berbuat demikian, tetapi kemampuan kami sekarang tidak mengizinkan (*ketawa*).

PERKHIDMATAN BOMBA DI SARAWAK

8. **Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan rancangan-rancangan Kerajaan untuk meningkatkan tenaga manusia dan kebolehan-kebolehan peralatan perkhidmatan-perkhidmatan memadam api di

Sarawak setelah ianya diambilalih oleh Kerajaan Persekutuan dari pihak berkuasa tempatan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkhidmatan Bomba di negeri Sarawak baru sahaja diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan iatu pada bulan Mei, 1981.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat memang menjadi dasar Kerajaan untuk menambah keanggotaan Perkhidmatan Bomba di negeri Sarawak selaras dengan formula yang dipakai di Semenanjung Malaysia. Begitulah juga dengan alat-alat kelengkapan kebombaannya dan juga jentera-jentera bomba perlu ditambah.

Kerajaan sedar semasa Perkhidmatan Bomba ditadbirkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Sarawak tenaga manusia dan juga alat kelengkapan tidak mencukupi. Sungguhpun demikian, untuk menambahkan anggota-anggota dan alat-alat kelengkapan dalam masa yang begitu singkat tidaklah semudah seperti yang dijangka oleh kerana ianya memerlukan perancangan yang mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kerana itu langkah-langkah sedang diambil untuk mengkaji kedudukan dan keadaan Perkhidmatan Bomba di negeri Sarawak dengan tujuan untuk mempertingkatkan perkhidmatan tersebut. Diantara langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian adalah seperti berikut:

- (1) Melatih anggota-anggota Bomba yang lama yang dipercayai tidak mendapat latihan kebombaannya secukupnya pada masa-masa yang lalu.
- (2) Mewujudkan jawatan-jawatan tambahan selaras dengan formula yang digunakan di Semenanjung Malaysia.
- (3) Menambah alat-alat kelengkapan kebombaannya dan jentera-jentera bomba yang moden.

- (4) Mempertingkatkan sistem alat-alat kebombaam yang dipasang tetap di bangunan-bangunan baru dan juga mempertingkatkan lagi sistem kebombaam di bangunan-bangunan lama.

Akhirnya, memperluaskan aktiviti-aktiviti seperti ceramah-ceramah kepada penghuni-penghuni kilang, rumah-rumah pangsa, kanak-kanak sekolah, suri-suri rumahtangga dan lain-lain lagi.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan di antara rancangan untuk mempertingkatkan keupayaan Jabatan Bomba ini ialah untuk menambah alat-alat kebombaam di Sarawak. Jadi ingin saya mengetahui adakah penambahan alat-alat kebombaam ini akan juga dilaksanakan di Semenanjung Malaysia?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu soalan lain.

UNIVERSITI KEENAM—PENUBUHAN

9. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan hasil pertimbangan Kerajaan tentang kemungkinan menubuhkan sebuah universiti keenam di negara ini untuk menampung keperluan pelajaran tinggi rakyat Malaysia.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Pelajaran masih lagi mengkaji tentang penubuhan universiti keenam, dan jawapan ini pun saya telah beri di Dewan yang mulia ini beberapa minggu yang lalu.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Pengumuman bahawa Kerajaan akan membuat pertimbangan mengenai kemungkinan menubuh sebuah universiti keenam dibuat pada bulan Julai atau Ogos tahun lalu, kalau saya tidak silap. Lebih satu tahun sudah lepas. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini kenapa Jawatankuasa atau Kementerian Pelajaran yang berkenaan perlu masa yang begitu panjang untuk menimbang dan selesai satu perkara ini diproses pertimbangan khasnya

apabila kita sedar bahawa masalah keperluan untuk memberi peluang kepada anak-anak kita

Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, tidak perlu penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Itu bukan penjelasan. Oleh kerana masalah itu untuk menambahkan tempat-tempat di universiti kita sangat mendesak, kenapa sebuah Kerajaan yang cogan kata "bersih, cekap dan amanah" tidak boleh

Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berhormat cukuplah itu. Soalan itu telah dikeluarkan tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Masa yang lebih singkat, berapa lama lagi? Satu tahun, lagi dua tahun atau election akan datang?

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya beberapa minggu dahulu, saya telah pun beritahu kepada Dewan yang mulia ini, kita sekarang sedang mengkaji untuk meluaskan lagi kapasiti di institusi-institusi tinggi di dalam 5 buah universiti di negara kita. Ini oleh kerana ada lagi kemampuan dan kebolehan di institusi kita mengambil lagi lebih murid-murid dan kita sedang mengambil tindakan untuk meluaskan kapasiti. Jawatankuasa mengkaji menubuhkan universiti ke-6 harus memakan masa yang panjang. Kita akan meluaskan kapasiti universiti-universiti yang ada sekarang, sebelum kita menentukan bila kita akan mengadakan sebuah universiti ke-6.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi nampaknya universiti-universiti tempatan masih mempunyai keupayaan berlebihan (Excess capacity) maka apakah bilangan pelajar tambahan yang dapat ditanggung oleh 5 buah universiti tempatan ini mengikut kemudahan-kemudahan yang sedia tanpa menubuhkan sebuah universiti yang baharu.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita lihat jumlah intake pada tahun 1982 di universiti Malaya kita telah mengambil 2,133 penuntut, UKM 1,622, USM 1,057 UPM 955 dan UTM 360. Jumlahnya 6,127.

Dan kita ingat tahun depan kita boleh menambahkan bilangan murid-murid untuk memasuki institusi-institusi ini.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, dari hasil pertimbangan Kerajaan tentang penubuhan sebuah universiti ke 6 di negara ini dan seandainya Kerajaan membuat pertimbangan untuk diluluskan, adakah Kerajaan bercadang hendak melantik Wakil dari Kota Melaka untuk menjadi Vice-Chancellornya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu luar daripada soalan asal (*Ketawa*).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran iaitu untuk mewujudkan sebuah universiti dan sebuah lagi ialah dalam kajian dan memakan masa yang lama. Apakah kemungkinan universiti itu universiti Islam? Kalau tidak, apakah pengkhususan yang dicadangkan universiti yang satu lagi.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Universiti Islam Antarabangsa ini tidak berkaitan dengan penubuhan universiti ke-6 ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapannya berkata bahawa sehingga masalah memperluaskan tempat-tempat (*capacity*) yang ada dalam universiti-universiti yang ada selesai, masalah universiti ke-6 tidak akan ditimbang. Itulah kalau tidak silap saya jawapannya, atau Kerajaan mahu mengatasi masalah memperluaskan tempat-tempat yang ada dalam universiti ke-6. Soalan saya dikhaskan bukan kepada masalah memperluaskan tempat yang ada (*exceeds capacity*) tetapi ialah masalah penubuhan universiti ke-6. Adakah Jawatankuasa yang ditubuhkan sudah mula menimbang? Siapakah dalam Jawatankuasa ini atau adakah Jawatankuasa ini dengan terms of reference ialah menunggu sehingga masalah memperluaskan tempat-tempat yang ada sebelum memulakan kerja.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran dari masa ke semasa mengkaji keperluan-keperluan untuk penuntut-penuntut ke institusi-institusi tinggi di negara kita ini tetapi setakat ini untuk short-term keperluan kita memberi perhatian untuk meluaskan kapasiti, tetapi dengan serupa juga kita sedang mengkaji tentang fisibiliti untuk menubuhkan sebuah universiti ke-6.

Tuan Lim Kit Siang: Siapa Committee itu? Itu soalan saya.

Dr Tan Tiong Hong: Di Kementerian Pelajaran ada satu Jawatankuasa Pembangunan dan Perancangan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri.

DASAR EKONOMI BARU—MATLAMAT

10. Tuan Hassan bin Haji Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan apakah beliau benar-benar yakin bahawa Dasar Ekonomi Baru akan dapat mencapai matlamatnya menjelang tahun 1990 dan kalau benar bolehkah beliau butirkan kenyataannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, semasa saya menjawab soalan No. 12 semalam, jawapan saya yang panjang itu adalah meliputi juga kehendak-kehendak soalan seperti yang dapat hari ini No. 10 itu dan dengan itu saya tidak bercadang hendak menambah makluman lagi.

TELEVISYEN—PROGRAM BAHASA CINA DI SARAWAK/SABAH

11. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Penerangan menyatakan bila program dalam bahasa Cina akan mula disiarkan di dalam televisyen bagi kawasan Sarawak dan Sabah.

Timbalan Menteri Penerangan (Puan Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Yang Berhormat, pelaksanaan Projek Rangkaian Kedua TV Malaysia ke Sabah dan Sarawak dijadualkan siap pada 31hb Julai, 1983 dan siarannya dijangka bermula pada 31hb Ogos,

1983. Oleh yang demikian, rancangan-rancangan bahasa Cina dalam rangkaian kedua akan dapat ditonton di Sabah dan di Sarawak mulai dari tarikh tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chan Kok Kit.

(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Chan Kok Kit tidak hadir)

JINJANG UTARA DAN SELATAN— PEMBAIKAN JALAN DAN LONGKANG

13. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan mengapa jalan-jalan dan longkang-longkang di Jinjang Utara dan di Jinjang Selatan tidak diperbaiki pada keseluruhannya semenjak wujudnya Kampung Baru Jinjang kira-kira 30 tahun yang lepas; adakah benar satu anggaran bagi projek untuk memperelokkan jalan dan longkang di seluruh Jinjang ialah \$10 juta; bilakah projek ini dapat dilaksanakan.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar kenyataan Ahli Yang Berhormat itu yang mengatakan bahawa jalan-jalan, longkang-longkang di Jinjang Utara dan Selatan tidak diperbaiki pada keseluruhannya semenjak wujudnya kampung baru tersebut 30 tahun yang lalu. Bahkan ingin saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa pembinaan jalan-jalan dan longkang-longkang dalam Kampung-kampung Jinjang Utara dan Jinjang Selatan telah pun dijalankan sejak kampung-kampung tersebut diwujudkan dalam tahun 1950an, iaitu semasa di bawah Kerajaan Negeri Selangor.

Apabila Wilayah Persekutuan diwujudkan dalam tahun 1974, Kampung-kampung Jinjang Utara dan Jinjang Selatan itu telah dimasukkan di dalam kawasan Wilayah Persekutuan. Berikutan dengan itu, Dewan Bandaraya telah membelanjakan \$355,000 untuk membina beberapa batang jalan dan longkang dengan peruntukan yang diperuntukkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Setakat ini sepanjang 18.19 kilometer jalan telah dibina

daripada jumlah 30.67 kilometer panjang jalan dalam kampung-kampung tersebut. Bakinya sebanyak 12.48 kilommeter jalan dan 19 meter lorong-lorong dan rancangan membaiki dan membina semula longkang-longkang akan dilaksanakan di masa akan datang apabila peruntukan diperolehi kerana projek-projek ini dianggarkan memakan belanja sebanyak \$14 juta. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, buat masa sekarang Kementerian Wilayah Persekutuan sedang terlibat di dalam dua projek yang lain, yang besar untuk kawasan tersebut iaitu projek perparitan yang dijalankan oleh Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan dan Jabatan Pembentongan dan Perparitan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang kesemuanya bernilai \$4.4 juta.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada projek yang tersebut tadi, adakah kemungkinan untuk mengadakan projek yang lain bagi membaiki jalan-jalan dan parit-parit yang sedang dalam keadaan yang terlalu buruk sekarang?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan yang di-Pertua, sebagaimana yang saya maklumkan tadi bahawa rancangan-rancangan itu sedangpun disusun dan sekiranya peruntukan diperolehi kita akan laksanakan.

Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr George Chan Hong Nam.

(Soalan No. 14 Y. B. Dr George Chan Hong Nam tidak hadir)

TELEFON—PERKHIDMATAN SENDIRI TERUS DAIL DI SARAWAK

15. Datuk Leonard Linggi anak Jugah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapa Sarawak tidak diberi keistimewaan untuk menikmati kemudahan telefon dail terus ke negara-negara lain dan selanjutnya menggesa Menteri berkenaan menyatakan jadual masa bagi mendapatkan kemudahan tersebut di Sarawak.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, bagi maklum Ahli Yang Berhormat, suka saya memaklumkan di sini bahawa negeri Sarawak sudahpun menikmati kemudahan perkhidmatan sendiri terus dail semenjak tahun 1980. Perkhidmatan STD yang dimaksudkan itu adalah seperti berikut:

- (1) Perkhidmatan STD dari Sarawak ke Semenanjung Malaysia telahpun dilaksanakan pada 31hb Ogos, 1980.
- (2) Perkhidmatan STD dari Sarawak ke Brunei telah pun dimulai pada 23-3-1982.

Pada masa ini pihak Kerajaan bercadang untuk memulakan pula perkhidmatan STD dari Sarawak dan Sabah ke Singapura mulai dari 1-12-1982.

Bagi makluman Yang Berhormat, saya sendiri telah pun berbincang dengan Menteri Perhubungan Singapura baru-baru ini mengenai perkara ini dan pada masa sekarang pegawai-pegawai Jabatan Telekom dari kedua-dua negara sedang mengadakan perbincangan lanjut untuk melaksanakan perkhidmatan tersebut pada tarikh yang telah ditetapkan.

Di samping perkhidmatan subscriber trunk dail, kemudahan membuat panggilan international direct dail ataupun antarabangsa terus dail telahpun diadakan bagi pengguna-pengguna telefon di kawasan Sibru yang disambungkan kepada ibusawat-ibusawat SPC yang baru dan juga yang memohon diberi perkhidmatan yang sedemikian.

Mulai dari 1hb November, iaitu dua hari yang lepas, pengguna-pengguna telefon di kawasan kerjaya Kuching yang memohon akan juga diberikan perkhidmatan yang sama. Walau bagaimanapun, perkhidmatan IDT ataupun ATD ini hanya boleh diberikan kepada pengguna-pengguna telefon yang talian telefon mereka disambungkan ke ibusawat jenis SPC sahaja.

KURIKULUM BARU SEKOLAH RENDAH (3M)

16. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran memberi satu laporan mengenai pelaksanaan perintis kurikulum 3M untuk sekolah-sekolah rendah untuk berbagai-bagai media sekolah rendah, masalah-masalah dan kelemahan-kelemahan sistem baru tersebut dan nyatakan sama ada masalah-masalah dan kelemahan-kelemahan ini boleh diatasi menjelang pelaksanaan penuh sistem 3M di semua sekolah-sekolah rendah dalam setiap media bahasa tahun depan.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan terhadap Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) atau 3M yang dijalankan di 302 buah sekolah untuk murid-murid Tahun 1 pada tahun ini belum berakhir. Oleh itu adalah terlalu awal untuk menyediakan satu laporan penuh mengenainya sebelum program ini selesai dijalankan. Walau bagaimanapun, pengesanan telah dibuat dari semasa ke semasa di sepanjang tempoh percubaan setakat ini. Dari beberapa tinjauan awal yang dijalankan khasnya oleh Jemaah Nazir Persekutuan beberapa masalah dan kelemahan telah dapat dikesan.

Masalah yang pertama ialah berkaitan dengan kesesakan dalam bilik darjah umpamanya di sekolah-sekolah besar di bandar. Keadaan ini wujud dalam semua aliran sekolah. Oleh kerana KBSR menumpukan perhatian kepada individu, maka guru-guru menghadapi masalah mengelolakan kelas-kelas seperti ini. Sebagai langkah untuk mengatasi masalah ini Kementerian Pelajaran telah menempatkan seorang guru tambahan bagi tiap-tiap dua kelas KBSR bagi sekolah-sekolah yang benar-benar didapati memerlukan pertambahan guru. Langkah yang sama akan diambil bagi sekolah-sekolah pelaksanaan penuh.

Masalah kedua adalah berkaitan dengan keadaan guru yang harus menumpukan masa yang banyak untuk menyediakan bahan-bahan pengajaran. Keadaan ini juga wujud di semua aliran sekolah. Bagi mengatasi masalah ini Kementerian Pelajaran telah memperbanyakan pembekalan bahan dalam

Kit Pelajaran. Selain daripada Kit Pelajaran yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran, pihak swasta juga ada menyediakan bahan yang boleh digunakan oleh pihak sekolah.

Masalah ketiga berpunca dari keadaan di mana setengah-setengah guru pada peringkat permulaan pelaksanaan kurang jelas dengan cadangan-cadangan yang terkandung di dalam buku-buku panduan yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran. Masalah ini telah diatasi dengan memberi bimbingan yang berterusan oleh pegawai-pegawai dan guru-guru kakitangan penting. Bagi tujuan ini juga 50 jawatan baru di Jabatan Pelajaran Negeri telah diluluskan untuk mengawasi pelaksanaan kurikulum ini. Seterusnya masa yang lebih panjang untuk kursus diberi kepada guru-guru yang akan melaksanakan kurikulum ini dalam tahun 1983.

Pada keseluruhannya pelaksanaan awal telah menunjukkan lebih banyak kejayaan daripada kelemahan. Adalah didapati bahawa murid-murid yang mengikuti Kurikulum Baru ini dalam semua aliran sekolah dapat mencapai kemahiran tertentu dengan cepat. Mereka lebih cergas dan berminat dalam bilik darjah dan murid-murid berasa riang dan gembira mempelajari sesuatu. Daripada tinjauan-tinjauan awal juga menunjukkan kemajuan dan pencapaian murid-murid adalah menggalakkan dan Kementerian Pelajaran akan terus mengesan perkembangan yang berlaku dalam bilik darjah.

Bagi melicinkan tugas yang berkaitan dengan pelaksanaan tahun hadapan, sebuah Jawatankuasa Pelaksanaan peringkat Pusat telah ditubuhkan dan Jawatankuasa ini menyelaraskan aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Pelaksanaan peringkat Negari, Daerah dan sekolah. Dengan adanya langkah-langkah yang telah dinyatakan, Kementerian Pelajaran yakin KBSR akan dapat dilaksanakan di semua sekolah rendah semua aliran dengan licin dan berkesan tahun hadapan seperti yang dijadualkan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dalam satu pelaksanaan perintis untuk 302 buah sekolah, telah timbul masalah-masalah yang nampaknya tidak

boleh diatasi dengan memuaskan sekarang seperti masalah saiz kelas atau bilik darjah, masalah ratio guru-guru dan murid-murid; adakah Kementerian Pelajaran sebenarnya bersedia untuk melancarkan pelaksanaan sepenuhnya untuk semua sekolah pada tahun depan apabila untuk 302 buah sekolah pun masalah-masalah besar ini belum boleh diatasi dengan memuaskan.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, memanglah apabila kita melaksanakan sesuatu rancangan di peringkat pilot haruslah kita menghadapi masalah dan tadi di dalam jawapan saya, saya telah nyatakan bahawa kita pun telah membuat persediaan untuk mengatasi masalah ini dan di tahun hadapan kita ada penuh keyakinan kita akan mengurangkan lagi masalah tersebut.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu masalah yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adalah kesesakan di dalam bilik darjah. Adakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk membina banyak lagi bilik-bilik darjah secara besar-besaran terutamanya di kawasan bandar?

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, sebelum ada kurikulum baru ini pun kita ada menghadapi kesesakan tempat di sekolah-sekolah dalam bandar. Ini ialah oleh kerana sebahagian besar atau majoriti ibubapa selalu hendak memilih sesuatu sekolah oleh kerana memandangkan nama sesebuah sekolah itu adalah baik atau oleh kerana sekolah itu adalah dekat dengan rumah mereka dan kita sentiasa menghadapi masalah ini. Tetapi pihak Kementerian Pelajaran tahun demi tahun membina lebih banyak lagi bilik-bilik darjah untuk mengatasi masalah ini dan apabila rancangan KBSR ini dilaksanakan dengan sepenuhnya, kita akan lebih bergiat lagi untuk mengatasi sebarang masalah itu.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa dalam peringkat percubaan dengan 302 buah sekolah yang terpilih untuk KBSR, ini bermakna kejayaan lebih mudah dicapai dan mengatasi sebarang kelemahan, tetapi apabila sistem KBSR ini dilaksanakan dengan menyeluruh, ini akan dapat kelemahan yang lebih banyak lagi. Adakah

Timbalan Menteri itu sedar tentang hal ini, dan jika sedar, adakah langkah-langkah diambil untuk mengatasinya?

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi hanya 'conjectural' sahaja dan saya yakin apabila kita melaksanakan kurikulum baru sekolah rendah (KBSR) ini kita memang ada kemampuan untuk melaksanakannya dengan berkesan dan licin.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 12, 14, dan 17 hingga 20 adalah diberi di bawah ini.)

KEMPEN JIMAT CERMAT— PERUNTUKAN KEWANGAN

4. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah potongan peruntukan kewangan mengikut Kementerian bagi tahun 1982 yang dibuat sesuai dengan kempen berjimat.

Dato Dr Ling Liong Sik: Peruntukan berjumlah \$4,023.68 juta telah dikurangkan dari Anggaran Perbelanjaan tahun 1982 bagi Kementerian-kementerian berikut (termasuk jabatan-jabatan di bawahnya) apabila peruntukan termasuk disemak semula berikutan dari langkah berjimat cermat Kerajaan pada pertengahan tahun ini:

Kementerian (termasuk jabatan-jabatan dibawahnya)	<i>Jumlah Yang di- kurangkan</i> \$ juta
Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja	0.05
Jabatan Odit	1.21
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	0.74
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	223.33
Kementerian Wilayah Persekutuan	82.20
Kementerian Perusahaan Utama	31.53
Kementerian Pertanian	256.25
Kementerian Perdagangan dan Perindustrian	11.09
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan	25.64
Kementerian Pertahanan	1,058.00
Kementerian Pelajaran	358.12
Kementerian Kewangan	37.03
Kementerian Kesihatan	135.15
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	580.43
Kementerian Penerangan	43.04
Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat	9.73
Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar	16.11
Kementerian Kebajikan Am	15.28
Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah	255.66
Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar	83.09
Luar Jangka	800.00
JUMLAH PERUNTUKAN YANG DIKURANGKAN	\$4,023.68

Walau bagaimanapun, peruntukan tambahan berjumlah \$534.68 juta perlu diberi kepada beberapa Kementerian oleh kerana pembayaran-pembayaran yang

terpaksa dibuat dan tidak dapat dielakkan. Kementerian-kementerian berkenaan ialah seperti berikut:

Kementerian (termasuk jabatan-jabatan di bawahnya)	<i>Jumlah yang ditambah</i>
	\$ juta
Jabatan Perdana Menteri	49.11
Kementerian Luar Negeri	20.51
Kementerian Perusahaan Awam	28.65
Kementerian Pengangkutan	130.46
Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos	14.18
Kementerian Kerjaraya dan kemudahan-kemudahan Awam	291.77
	<hr/>
JUMLAH PERUNTUKAN YANG DITAMBAH	\$ 534.68
	<hr/>
JUMLAH BERSIH PERUNTUKAN YANG DIKURANGKAN	\$3,489.00
	<hr/>

Oleh itu, jumlah bersih pengurangan peruntukan dari Anggaran Perbelanjaan 1982 ialah \$3,489 juta seperti yang telah dinyatakan dalam jawapan kepada pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang pada 15hb. Oktober, 1982.

PEMAJU PERUMAHAN—TEMPOH LIABILITI

12. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar tempoh liabiliti seorang pemaju perumahan bermula dari tarikh "Certificate of Practical Completion" dikeluarkan dan bukan dari tarikh Sijil Kelayakan atau "Certificate of Fitness" dikeluarkan dan ini amatlah tidak adil kepada para pembeli rumah; jika ya, sama ada langkah-langkah akan diambil untuk membetulkan keadaan ini; jika tidak, mengapa.

Puan Napsiah binti Omar: Untuk makluman Yang Berhormat, tanggungan seseorang pemaju perumahan bagi tempoh kecacatan (liability period) adalah bermula dari tarikh serahan pemilikan kosong (handing over of vacant possession). Mengikut kehendak-kehendak perjanjian jual dan beli yang ditandatangani di antara pemaju dan

pembeli, serahan pemilikan kosong adalah dibuat apabila 'Certificate of Practical Completion' dikeluarkan dan jarang disertai dengan 'Sijil Layak Diduduki'.

Kementerian ini sedar bahawa keadaan tersebut adalah tidak adil bagi para pembeli rumah dan oleh yang demikian Kementerian ini telah mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk mengatasi masalah itu. Terutamanya, Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (kawalan dan Pelesenan) 1982 telah diujud dan dikuatkuasakan pada 1hb. Jun, 1982 bagi menggantikan Kaedah-kaedah (Mengawal dan Melesen) Pemaju perumahan, 1970. Terkandung di dalam peraturan-peraturan baru itu ialah perjanjian jual dan beli (Tanah dan Bangunan) yang mana telah diperuntukan bahawa serahan pemilikan kosong hendaklah dengan pemasangan bekalan air dan elektrik. Perjanjian tersebut juga memperuntukan bahawa tempoh kecacatan adalah 12 bulan dan bukannya 6 bulan seperti dahulu. Bagi menguatkan lagi peruntukan ini, Pengawal Perumahan telah menggunakan kuasanya untuk mengenakan syarat yang memerlukan pemaju perumahan menyerahkan pemilikan kosong disertai dengan Sijil Layak Diduduki. Syarat ini adalah dikenakan ke atas lesen-lesen pemaju perumahan yang dikeluarkan

selepas penguatkuasaan Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1982.

SUBSIDI HARGA PADI—MENAIKKAN

14. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) merancang untuk menaikkan subsidi pesawah-pesawah padi di Sarawak dan jika ada, bila dan apakah kadar kenaikannya.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Pada masa ini pemberian subsidi harga padi oleh Kerajaan kepada petani-petani adalah dengan kadar nilai \$16.54 bagi tiap-tiap 100 kg. padi. Kerajaan memikirkan bahawa kadar pemberian subsidi tersebut di peringkat yang berpatutan. Oleh itu, Kerajaan belum merancang untuk menaikkan subsidi harga padi.

PEMAJU PERUMAHAN PALSU

17. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kes pemaju palsu yang dilaporkan kepada Kementerian, untuk tahun-tahun 1980, 1981 dan daripada tempoh 1-1-82 hingga 30-9-82 menurut setiap negeri.
- (b) daripada jumlah kes pemaju palsu yang dilaporkan kepada Kementerian, berapa banyak tangkapan yang dibuat dan didakwa di mahkamah dan berapa banyak pula yang sedang dalam siasatan sekarang.
- (c) bagaimanakah kekuatan Yunit Penguatkuasa dan apakah rancangan-rancangan untuk pembesarannya; dan
- (d) adakah Kerajaan akan meminda Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 bagi memberi kuasa yang luas kepada Kementerian untuk menghapuskan pemaju palsu.

Puan Napsiah binti Omar:

- (a) Jawapan kepada soalan ini adalah sama seperti jawapan saya pada 12hb. Mac 1982 yang lalu. Kes pemaju palsu yang

telah dilaporkan kepada Kementerian pada 1980/1981 ialah tiga kes iaitu satu di Negeri Sembilan dan dua di Wilayah Persekutuan. Dalam tempoh 1/1/82 sehingga 30/9/82 tidak ada pemaju palsu yang dilaporkan di Kementerian ini.

- (b) Jumlah pemaju palsu yang telah dilaporkan, ditangkap dan dibawa ke mahkamah setakat ini cuma tiga seperti yang tersebut di atas. Tetapi selain daripada itu Kementerian juga telah membawa ke mahkamah 8 kes pemaju yang tidak berlesen dan 21 kes lagi sedang dalam siasatan.
- (c) Kekuatan yunit ini sekarang adalah mengandungi 37 orang pegawai. Perancangan pembesaran yang akan datang telahpun disusun untuk diluluskan. Tetapi oleh sebab keadaan kedudukan ekonomi sekarang permohonan pembesaran yunit ini ditangguhkan buat sementara waktu.
- (d) Kementerian ini sedang menimbang-kan pindaan-pindaan kepada Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 dengan tujuan utamanya memberi kuasa yang lebih luas kepada pegawai-pegawai Penguatkuasa untuk menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan terhadap Pemaju-pemaju Perumahan yang tidak berlesen. Berkenaan pemaju palsu (Bogus Developer) pula ianya bukanlah satu masalah yang dapat diatasi oleh Kementerian ini, oleh sebab aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh seseorang pemaju palsu merupakan satu jenayah penipuan (Fraud). Walau bagaimanapun, Kementerian ini adalah bekerjasama dengan pihak polis untuk menghapuskan pemaju-pemaju palsu ini.

LAPORAN POLIS ENCIK PERIASAMY S/O SANGILY SIASATAN

18. Tuan Karpal Singh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang diambil terhadap laporan polis (Balai Polis Sentul Report No.7939/82) yang dibuat oleh Encik Periasamy s/o Sangily

terhadap Menteri Kerja Raya dan Kemudahan Awam, Datuk S. Samy Vellu pada 8 September, 1982.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Polis telahpun menyediakan kertas siasatan ke peringkat yang hampir siap mengenai kes tersebut untuk dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara bagi arahan selanjutnya.

TAYANGAN FILEM SENIWATI JANE FONDA—MENGHARAMKAN

19. Tuan Haji Hashim bin Haji Endut minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian bercadang hendak mengharamkan tayangan filem-filem yang dilakukan oleh seniwati Jane Fonda di semua pawagam dalam Malaysia kerana pelakun ini sentiasa melawat tentera-tentera Yahudi di hospital dan menaikkan semangat tentera Israel di Timur Tengah, dan beliau sentiasa mengutuk pihak perjuangan PLO. Kalau tidak mengapa, dan kalau ya bila.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Filem-filem asing yang dibawa masuk ke Malaysia oleh pengedar-pengedar tempatan adalah ditapis untuk memastikan tema dan isi cerita serta bahawa yang digunakan itu adalah sejajar dengan nilai-nilai dan kepentingan rakyat selaras dengan hasrat Rukunegara. Kerajaan tetap mengharamkan kemasukan filem-filem yang bertentangan dengan semangat Rukunegara tanpa mengira latarbelakang pengeluaran dan pelakun-pelakun yang terlibat, termasuk Jane Fonda.

Kaedah yang diamalkan sekarang adalah memuaskan dan berkeupayaan untuk mencegah kemasukan melalui filem sebarang unsur yang diingini.

KOSATU—ADUAN PENYELEWENGAN

20. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai oleh pihak Polis dalam siasatan mereka ke dalam aduan yang dibuat oleh seorang pegawai Jabatan Koperatif mengenai penyelewengan dan amalan-amalan curang yang dikatakan telah berlaku dalam sebuah syarikat kerjasama bernama KOSATU.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aduan tersebut (Report Polis Cheras 2701/82 bertarikh 21.4.82) masih lagi dalam penyiasatan pihak Polis. Masa ini pihak Polis dengan kerjasama Jabatan Koperasi Wilayah Persekutuan sedang menyiasat dengan rapi segala dokumen-dokumen yang berkaitan dengan aduan itu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1983

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (2hb November, 1982)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1983

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang sebanyak \$11,669,988,913 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1983 bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran "Maksud Pembangunan" atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1983 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 tahun 1982 dan hendaklah diuntukkan amaun-amaun yang dinyatakan di bawah maksud-maksud itu bersetentangan dengan butiran-butiran itu dalam ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (2hb November, 1982)

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Serian untuk menyambung ucapannya.

3.35 ptg.

Tuan Richard Damping Anak Laki (Serian): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyambung ucapan saya daripada petang semalam berhubung dengan Usul Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 22hb Oktober lalu.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian saya berharap langkah-langkah yang akan diambil untuk melonggarkan peraturan keselamatan tersebut tidak akan sebaliknya menjejaskan keadaan keselamatan keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Sarawak sedang mengalami kekurangan guru-guru terlatih yang berkelayakan. Memandangkan kebanyakan penuntut-penuntut yang menamatkan persekolahan hanya mempunyai kelayakan Tingkatan V dan VI oleh kerana kebanyakan mereka tidak mempunyai kepujian di dalam pelajaran Bahasa Malaysia. Oleh yang demikian mereka tidak terpilih untuk latihan untuk menunaikan keperluan ini. Guru-guru yang terlatih yang telah diambil dari Semenanjung Malaysia ataupun guru-guru pelatih dipilih untuk menjalani latihan di Kolej Latihan Guru-guru Sarawak. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada Kementerian Pelajaran bahawa memandangkan taraf pendidikan masa kini terutama matapelajaran Bahasa Malaysia di Negeri Sarawak sama ada Kerajaan boleh menimbang untuk memilih mereka yang manamatkan persekolahan yang hanya mempunyai kelayakan Tingkatan V dan VI serta melonggarkan syarat berkenaan dengan menggantikan kelulusan dalam Bahasa Malaysia kepada syarat Kejujian dalam Bahasa Malaysia supaya penuntut-penuntut itu dapat diberikan peluang untuk menjadi guru terlatih ataupun bagi peluang kepada mereka satu tempoh yang tertentu untuk lulus di dalam peperiksaan matapelajaran Bahasa

Malaysia. Dengan demikian cadangan ini bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah mereka tetapi juga membolehkan mereka mencapai cita-citanya dan menjadikan perguruan sebagai satu profesion.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di Sarawak mengalu-alukan program yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan berkenaan cadangan untuk memanjangkan saluran kedua TV ke Sarawak. Perkara ini telah lama dinanti-nantikan

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk tidak menggalakkan rakyat kita merokok. Langkah-langkah ini termasuk pengharaman iklan di Radio dan TV, pegawai Kerajaan dan orang awam dilarang merokok di dalam pejabat-pejabat dan di tempat-tempat tertentu. Kerajaan mengambil tindakan tersebut kerana sedar bahawa merokok membahayakan kesihatan. Oleh itu saya berasa sungguh hairan apabila terbaca bahawa Kerajaan tidak menggalakkan merokok tetapi Kerajaan telah memberikan subsidi \$2,838,400 untuk menggalakkan pekebun-pekebun tembakau supaya menanam tembakau yang lebih bermutu lagi.

Saya berpendapat kedua-dua polisi itu adalah bertentangan di antara satu sama lain. Adalah jelas hanya satu rancangan sahaja yang boleh mencapai kejayaan yang dirancangan. Dengan perkataan lain, sekiranya kempen untuk tidak menggalakkan merokok itu berjaya, maka hasil tembakau yang lebih bermutu tidak akan disambut dengan baik. Sebaliknya kalau sekiranya rakyat akan merokok dengan lebih banyak lagi oleh kerana tembakau yang menjadi lebih bermutu adalah tidak bererti langsung bagi Kerajaan meneruskan kempen jangan merokok. Oleh itu saya merayu kepada Kerajaan supaya mengkaji semula tentang kedua-dua polisi yang bertentangan ini. Sekiranya Kerajaan benar-benar berazam supaya tidak menggalakkan rakyat kita merokok adalah elok bagi Kerajaan kita mengenalkan jenis-jenis tanaman lain yang

boleh menggantikan tembakau yang boleh menguntungkan pekebun-pekebun kecil dan juga rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari yang lalu Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah mengumumkan kadar baru bagi bayaran perkhidmatan pos dan juga kadar baru bagi sewa telefon. Saya sungguh mengalu-alukan di atas kadar baru untuk panggilan di antara Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia dan juga negeri-negeri jiran diturunkan. Ini akan membolehkan hubungan rapat di antara Sarawak, Sabah dengan Semenanjung Malaysia dan negeri-negeri jiran. Tetapi saya ingin merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya menimbang semula cadangan ini khasnya berkenaan dengan kenaikan sewa telefon dan selepas 100 panggilan barulah dikenakan 10 sen bagi tiap-tiap satu panggilan oleh kerana Sarawak ialah sebuah negeri yang masih lagi begitu membangun jika dibanding dengan negeri-negeri lain yang telah pun membangun. Ini akan membebaskan lagi pengguna-pengguna telefon untuk membayar sewanya.

Saya sangat merayu agar sewa telefon tidak diubah oleh kerana telefon bukanlah satu barang yang mewah dan ia adalah sangat perlu kepada orang ramai sebagai alat perhubungan. Memandangkan Sarawak baru sahaja hendak membangun, maka adalah diharap supaya perkara ini dapat ditangguhkan buat masa ini sehingga ke satu masa yang sesuai. Oleh itu adalah diminta supaya kadar sewa telefon di Sabah dan Sarawak tidak dinaikkan, begitulah juga dengan kadar perkhidmatan pos.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai lada hitam, suka saya mengambil peluang ini sekali lagi untuk merayu kepada Kementerian Kewangan supaya menghapuskan duti eksport bagi lada hitam. Soal ini ialah soal lama dan telah beberapa kali diumumkan di Dewan yang mulia ini, tetapi dukacitanya perkara ini masih belum lagi mendapat pertimbangan yang simpati oleh Kerajaan.

Tanaman lada hitam ialah satu tanaman tradisi dan juga sebagai eksport utama bagi negeri Sarawak, dengan adanya pengeksportan lada hitam ini Kerajaan akan mendapat pertukaran wang asing, ini akan menambahkan lagi pendapatan negara.

Sekali lagi saya merayu kepada Kerajaan supaya menghapuskan sama sekali duti eksport bagi lada hitam memandangkan ini bukan sahaja akan meringankan beban petani-petani, tetapi juga akan menghidupkan semula tanaman lada hitam di Sarawak dan Sabah kerana pada satu masa tanaman lada hitam akan hilang sekiranya tidak diusahakan lagi. Untuk menanam semula tanaman ini bukanlah sahaja mengambil masa yang panjang, tetapi khasnya terdapat suatu jenis penyakit yang dipanggil "rot". Selain daripada itu saya juga meminta supaya Kerajaan menghapuskan cukai import bagi baja-baja pertanian. Oleh itu saya harap agar Kerajaan dapat meluluskan permintaan ini memandangkan ia telah lama dipersoalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kerajaan supaya meneliti kembali berkenaan dengan cukai jalan. Oleh kerana kadar ini sangat berat khasnya bagi kereta-kereta yang dipunyai oleh peniaga-peniaga kecil, cukai dikenakan adalah sampai empat kali ganda. Oleh itu adalah diharap Kerajaan dapat menimbangkan semua perkara-perkara ini, jika boleh diturunkan kepada dua kali ganda sahaja.

Cukai jualan yang naik 100% dari 5% adalah membebaskan khasnya orang-orang yang berpendapatan rendah. Saya merayu kepada Kerajaan supaya tidak menaikkan cukai sampai 100% kerana untuk menjaga inflasi dan juga barang-barang keperluan harian hendaklah disahkan juga untuk mengurangkan seberapa boleh.

Pada keseluruhannya Belanjawan tahun 1983 boleh dikatakan sederhana dan adil dan juga boleh diterima pada amnya, memandangkan keadaan ekonomi dunia sekarang yang menghadapi kemelesetan. Saya dengan ini menyokong Usul Belanjawan tahun 1983.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batu Pahat.

3.46 ptg.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha (Batu Pahat): Assalamualaikum warahmatullahi-wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dapat mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan tahun 1983 sebagai Ahli yang dipilih oleh rakyat mengikut amalan demokrasi berparlimen yang telah pun diperakui oleh seluruh dunia. Hakikat ini juga diterima oleh Parti Pembangkang khususnya DAP apabila mereka memenangi satu-satu kerusi pilihanraya tetapi mereka akan berbolak-dalik pula menidakan demokrasi ini, apabila tiap-tiap kali mereka mengalami kekalahan di dalam pilihanraya. Inilah tindak tanduk DAP, parti yang berbolak-dalik, talm dua muka yang sentiasa mengamalkan politik perkauman dan politik perpecahan. Mereka akan membangkang apa-apa sahaja yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini, membujur lalu, melintang patah, habis semuanya dilanggar.

Pada beberapa hari yang lalu kita telah melihat DAP bersandiwara di Dewan yang mulia ini yang sungguh memalukan, mereka sentiasa mencari publisiti yang murah di dalam Dewan ini. Sikap sombong dan bongkak mereka menunjukkan cara mereka berfikir dan bertindak secara kuku besi dan angkuh. Dsebabkan sifat-sifat pemimpin mereka inilah parti DAP sekarang tidak ubah seperti sebuah sampian yang hampir karam.

DAP sungguh bernasib baik ada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumrur Bandar sebagai wakilnya yang merupakan Ahli Pembangkang yang berfikiran jauh dan faham akan aspirasi Kerajaan, yang saya fikir adalah lebih layak dilantik menjadi Ketua Pembangkang menggantikan Ketua Pembangkang yang ada sekarang. Sayugialah diingatkan politik bermain api itu tidak lagi bertempat di negara ini, tetapi politik berbilang kaum yang

diamalkan oleh parti Barisan Nasional sahajalah yang diterima rakyat dan diizinkan Allah kerana setiap kali pilihanraya Barisan Nasional bertambah gemilang kemenangannya dan insya Allah kita akan terus mengulangi di masa-masa yang akan datang. Ini ialah kerana apa yang kita amalkan berdasarkan kepada prinsip keadilan masyarakat dan kesetabilan politik. Kita mahu membina satu bangsa yang boleh berasa bangga dengan bangsanya sendiri dengan tidak mengira suku-suku kaum masing-masing, mereka tidak akan berdengki hati atau cemburu sesama sendiri disebabkan kerana mereka sama-sama merasa puas hati dengan kehidupan dan kekayaan masing-masing. Untuk mencapai hakikat ini tentulah memakan masa.

Kita semua tahu sekarang keadaan ekonomi orang-orang Melayu atau bumiputra adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain dan Dasar Ekonomi Baru ialah proses memperbaikinya, bahkan di bawah Dasar Ekonomi Baru kesemua kaum mendapat manfaatnya. Jika dibanci kekayaan kaum-kaum selepas pelancaran Dasar Ekonomi Baru tentu didapati tidak ada satu-satu kaum yang makin berkurangan kekayaan mereka, semuanya bertambah, inilah yang kita kehendaki. Tetapi hakikat ini sengaja disembunyikan oleh mereka yang sengaja tidak suka kepada keamanan di negara ini, mereka timbulkan isu-isu yang bukan-bukan yang menyakitkan hati, bukan menyakitkan hati saya, tetapi hati setiap ahli-ahli masyarakat yang cintakan keadilan dan keamanan.

Setelah 27 tahun parti Barisan Nasional, dahulu parti Perikatan memerintah negara ini tidak ada satu-satu kaum yang menjalankan perniagaan-perniagaan mereka terjejas bahkan makin bertambah maju dan besar lagi perniagaan mereka dan di dalam Kerajaan kita semua kaum berganding bahu menjalankan kerja mentadbirkan negara ini. Jadi cara politik yang diamalkan oleh DAP adalah politik ketinggalan zaman, politik kotor dan membahayakan. Ingatlah kata-kata pendita yang berbunyi: bertindak tanpa berfikir itu memanggil mala petaka.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan adalah Belanjawan yang telah diterima oleh setiap lapisan rakyat dengan perasaan yang lega dan lapang serta bersyukur ke hadirat Allah kerana di zaman ekonomi eslet ini Kerajaan masih mampu memberikan Belanjawan yang sungguh menyenangkan. Tiap-tiap tinjauan yang dibuat, sama ada orang-orang biasa, ahli-ahli perniagaan, ahli-ahli profesional dan ahli-ahli akademik mereka telah menerima dengan baik Belanjawan ini, tetapi saya hairan Ahli Yang Berhormat dari Kepong boleh mengatakan Belanjawan ini bodoh, kononnya Belanjawan tahun 1982 adalah Belanjawan Pilihanraya kerana memberi Belanjawan yang menggemirakan rakyat. Tetapi Belanjawan yang dibentangkan kali ini ialah Belanjawan selepas kita memenangi pilihanraya dan kita tetap ingat dan kasih kepada rakyat dengan memberikan sekali lagi Belanjawan yang menggemirakan mereka. Terlalu lancang dan cabul Ahli Yang Berhormat dari Kepong dengan kata-kata yang sungguh biadab dan tidak manis diigunakan terhadap seorang Menteri di Dewan yang mulia ini. Ingatlah, sekiranya kita hendak dihormati orang, kita mestilah pandai menghormati orang lain

Sebenarnya negara kita tidaklah sebegitu hebat dan teruk dengan tekanan kemelesetan ekonomi jika dibandingkan dengan negara-negara lain yang lebih maju dari kita seperti negara-negara Australia, United Kingdom, negara-negara OECD dan lain-lain lagi, bahkan Amerika Syarikat sendiri menghadapi masalah pengangguran sebanyak lebih 32 juta orang. Di Australia, pekerja-pekerja mereka sanggup menerima separuh gaji dan bekerja separuh masa semata-mata kerana hendak kekal bekerja dan menyelamatkan tempat-tempat mereka bekerja dari jatuh bankrap. Di negara-negara yang saya sebutkan tadi beribu-ribu syarikat dan kompeni-kompeni telah jatuh bankrap. begitu juga dengan orang-orang perseorangan. Alhamdullillah, perkara ini tidak berlaku di negara kita, sebaliknya pekerjaan-pekerjaan adalah menunggu pekerja-pekerja bahkan, sama ada betul atau tidak, apa yang dihebohkan oleh pihak pembangkang, pekerja-pekerja dari Indonesia telah datang

ke negara kita membantu membangunkan negara ini semata-mata kerana negara kita kekurangan orang untuk menjalankan kerja-kerja tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa megah dan seronok membahaskan Belanjawan ini kerana saya percaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat sudapun terbau-bau wangi Bandar Kuala Lumpur ini dan cantiknya wanita-wanita yang telahpun mengambil kesempatan dari pemansuhan cukai-cukai minyak wangi dan barang-barang make-up seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada hari Jumaat yang lalu, tetapi ada kemungkinan besar pemansuhan cukai ini tidak akan sampai kepada pengguna-pengguna sekiranya tidak ada pengawasan dan kontrol dari pihak yang bertanggungjawab untuk menentukan apa yang diberi oleh Kerajaan ini betul-betul sampai kepada rakyat. Di sinilah dikehendaki keghilan dan disiplin yang tinggi oleh pegawai-pegawai kita dalam menjayakan tugas-tugas mereka di dalam pengawasan ini. Sebaliknya kemungkinan pula anggaran cukai yang dinaikkan kepada barang-barang yang tidak melibatkan rakyat berpendapatan rendah dibabitkan dengan kenaikan cukai ini melalui "distributive effect".

Di sini saya menyeru kepada semua pihak pengguna supaya menyedari hakikat ini serta mempelajari atau diberi pelajaran mengenai perkara-perkara yang diluluskan dalam Belanjawan ini supaya mereka dapat mengambil manfaat darinya dan mengambil tindakan yang bijaksana terhadap penjual-penjual. Persatuan-persatuan pengguna boleh memainkan peranan yang besar untuk membantu Kerajaan supaya pengguna-pengguna tidak diperalatkan. Sebagai contoh, service tax 10% yang dikenakan ini telahpun diperkenalkan oleh restoran-restoran kepada pengguna-pengguna walaupun tarikh sebenarnya patut dilaksanakan ialah 1hb Januari, 1983. Di sini saya suka mencadangkan supaya Kerajaan membantu dan membimbing persatuan-persatuan pengguna dan sekiranya perlu menubuhkan sebuah Jabatan di dalam Kementerian

Perdagangan dan Perindustrian untuk membantu menyelaraskan kegiatan mereka, membantu dari segi kewangan dan teknikal akan persatuan-persatuan ini supaya mereka boleh memainkan peranan yang lebih berkesan lagi membantu pembeli-pembeli mendapatkan keadilan.

Saya suka mengambil kesempatan di sini untuk memberi tahniah kepada Persatuan Pengguna-pengguna Pulau Pinang yang telah memberi perkhidmatan yang begitu cemerlang dan penuh manfaat kepada penduduk-penduduk negara ini. Saya percaya persatuan ini boleh menjadi ombudsman negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan sebuah negara adalah bergantung kepada keupayaan rakyat di dalam cara mereka mencapai satu-satu matlamat. Di sini apa yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memandang ke timur bukanlah semata-mata meniru dengan sebulat-bulatnya cara orang-orang Jepun atau Korea melakukan sesuatu kerana negara Jepun dan Korea adalah tidak sama dengan negara ini. Negara ini adalah negara yang masih muda, negara yang berbilang kaum, berbilang kebudayaan dan ugama dan sedang pula melalui proses pembentukan satu bangsa, satu kebudayaan yang mencerminkan satu nationality yang boleh dibanggakan. Mungkin Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah begitu lama dan masak dengan pengalaman-pengalaman beliau mengenai cara hidup orang-orang Korea lelaki dan perempuan tetapi adalah tidak wajar bagi negara ini mengikut keseluruhan cara-cara hidup orang-orang Jepun dan Korea. Kita boleh pilih serta ikut perkara-perkara yang bersesuaian dengan kita, misalnya tabiat mereka bekerja dan taat kepada pemerintah. Mereka kuat dan tekun bekerja, seperti kata pujangga Inggeris, Thomas Edison: "tiada pengganti bagi ketekunan." Ini bolehlah kita ikuti. Bahkan ugama Islam sendiri adalah menekankan untuk manusia bekerja keras dan tekun dalam apa-apa pekerjaan kerana setiap pekerjaan yang baik itu adalah ibadat, mencari nafkah adalah ibadat, membantu sesama manusia adalah ibadat, apatah lagi menjayakan sesuatu yang memberi manfaat kepada negara dan bangsa.

Kita merayu kepada semua rakyat Malaysia dari semua lapisan dan bidang untuk menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri supaya bekerja kuat menambahkan productivity dan berazam untuk bekerja dengan tulus ikhlas serta amanah. Kejayaan orang-orang Jepun dalam bidang teknologi moden adalah perlu dipelajari dan ditonjolkan memandangkan negara tersebut telah berjaya menjadi sebuah negara yang maju terutama di dalam bidang-bidang industri moden, perkapalan, membuat kereta, television, radio, barang-barang elektronik dan komputer. Komputer adalah satu kemudahan teknologi yang membolehkan sesebuah negara itu mencapai kemajuan pesat disebabkan oleh proses memutuskan sesuatu atau decision-making dan proses menyediakan sesuatu adalah boleh dicapai dengan lebih cepat lagi dengan menggunakan kemudahan komputer jika dibandingkan dengan cara amalan biasa dengan menggunakan tangan atau semi-mechanisation.

Di dalam hal ini saya menyokong sepenuhnya cadangan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan memansuhkan cukai masuk 25% untuk komputer ke negara ini. Di dalam hal ini saya menyeru badan-badan berkanun sepatutnya bolehlah mengambil inisiatif untuk mengendalikan perniagaan yang berpontensi ini dengan cara menjadi pengedar-pengedarnya atau menjadi pembuat-pembuatnya dengan secara joint-venture atau bersendirian. Ini ialah kerana akan sampai masanya kelak penggunaan komputer akan menjadi begitu meluas dan menjadikannya barang yang separuh perlu untuk penduduk-penduduk di negara ini.

Kita mestilah melihat jauh ke hadapan dan menghadapi reality mengenai masa depan komputer di dalam konteks kegunaan di negara ini. Ini memandangkan kepada kemajuan pesat yang telah dicapai oleh negara ini dalam semua pembangunan, bidang dan pekerjaan yang menyebabkan segala perancangan, segala kerja-kerja hendaklah dibuat dengan secepat mungkin kerana "masa itu emas". Oleh itu saya memandang adalah

perlu pelajaran komputer sains ini di masukkan ke dalam kurikulum pelajaran di dalam sekolah-sekolah menengah dan vokasional. Pelajaran komputer sains ini ialah pelajaran yang mengenal komputer dan kebolehannya dan ini pada pendapat saya mustahak didedahkan kepada murid-murid sekolah-sekolah menengah dan sekolah vokasional supaya apabila murid-murid lepas bersekolah, mereka akan tidak lagi terpegun dan asing dengan keupayaan komputer. Dari “rebunglah kita melentur” dan dari masa kanak-kanaklah kita mengajar. Adalah tidak mustahil dalam masa tidak lama lagi komputer akan dipopularkan bukan sahaja di tiap-tiap pejabat bahkan di hampir tiap-tiap rumah sepertimana yang berlaku di negara-negara maju seperti di Jepun, di Amerika Syarikat dan negara lain.

Oleh yang demikian, kemungkinan pula satu gejala buruk yang timbul ialah jenayah komputer. Ini telahpun berlaku di negara-negara yang berkenaan. Oleh itu, saya menyeru supaya pihak Polis bersiap sedia dan merancang strategi-strategi untuk melawan dan menahan serta membantutkan rancangan-rancangan buruk dan jahat pengkhianat-pengkhianat ini. Cara untuk melawannya ialah dengan menyediakan pegawai-pegawai Polis yang cekap dengan memberi pelajaran dan pengalaman di dalam ilmu jenayah ini dan commercial crimes daripada masa sekarang, dengan izin, “Prevention is better than cure”, “Sediakan payung sebelum hujan.”

Selain dari itu, saya berpendapat adalah perlu satu pengawalan dan pengawasan yang khusus di dalam kegiatan komputer ini diadakan supaya tidak timbul pembaziran berlaku apabila keputusan-keputusan dibuat untuk menggunakan atau membeli komputer. Komputer ialah perkakas baru di negara kita dan mahal pula harganya dan tidak ramai yang faham dan arif dalam perkara ini tetapi kita patut berasa megah dan bangga kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita adalah satu-satunya mereka yang arif di dalam menggunakan komputer. Sebelum sesuatu keputusan dibuat untuk membeli sebuah komputer maka

adalah perlu tenaga mahir disediakan seperti mengadakan programmers sistem analisa, operator yang mahir dan sebagainya. Selain dari itu jenis-jenis komputer soft-ware dan hard-ware hendaklah juga diketahui dengan mendalam. Saya takut kalau-kalau di dalam terlalu rakus membeli komputer perkara-perkara penyediaan awal seperti ini tidak ditentukan.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah badan atau unit untuk mengawasi kegiatan komputer dan supaya dapat diselaraskan dan kordinasi yang rapi diadakan. Unit atau badan ini bolehlah berhubung rapat dengan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain seperti Telekom, LLN dan lain-lain untuk menentukan kemudahan komputer boleh dilaksanakan dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka berbalik kepada peningkatan produktiviti pekerja-pekerja kita di negara ini. Memanglah benar “clock-in, clock-out” tidak boleh menentukan kecekapan seseorang pekerja itu tetapi dari kesan disiplinnya telah timbul kebiasaan untuk bangun pagi dan sampai di tempat pekerjaan mereka di dalam masa yang ditentukan. Saya yakin lama kelamaan apabila sudah menjadi kebiasaan tidak ada masa yang akan dibuang dengan tidak menghasilkan sesuatu. Kita mestilah memberikan kepercayaan kepada pekerja-pekerja kita janganlah memburuk-burukkan mereka seperti kata pepatah: Disebabkan oleh nila setitik, rosak susu sebelanga. Tidak semua pekerja-pekerja kita tidak bertanggungjawab.

Walau bagaimanapun, saya mencadangkan supaya Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia atau MAMPU mengendalikannya satu manpower study dan mengkaji setiap Jabatan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan untuk menentukan supaya tidak ada pembaziran tenaga berlaku di Jabatan Kerajaan atau separuh Kerajaan dan badan-badan berkanun. Kemungkinan pembaziran tenaga ini berlaku ialah disebabkan terlalu banyaknya badan-badan

yang ditubuhkan oleh Kerajaan dan ada pada kalanya fungsi mereka hampir-hampir sama dan ada kalanya bertimpal (duplicating).

Saya beri contoh badan-badan research pertanian adalah terlalu banyak ditubuhkan seperti MARDI, PORIM, RRI selain daripada badan-badan seperti FELDA, RISDA, Jengka dan lain-lain yang juga mempunyai unit research pertanian masing-masing. Yang anihnya kebanyakan dari hasil-hasil research itu lambat atau langsung tidak dilaksanakan demi kepentingan petani-petani. Apakah yang telah terjadi kepada cara research menggunakan "pistol" yang disebut-sebut oleh RRI itu? Begitu juga dengan nenas saiz besar yang diusahakan oleh MARDI, setakat ini belum lagi sampai ke pengetahuan atau tekniknyanya kepada petani-petani. Inilah perkara yang dimuskilkan kerana kemungkinan disebabkan tidak ada kordinasi perkara-perkara yang dibuat kajian itu dikaji juga oleh beberapa buah badan kajian lain dan inilah pembaziran yang saya khawatirkan. Selain dari itu, sekiranya badan-badan ini dapat disepadukan, kemungkinan tenaga-tenaga mahir ini bolehlah digunakan dengan seluas-luasnya dan penuh manfaat.

Saya suka membawa perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kepada aturan "clock-in, clock-out" ini yang sedang dilaksanakan di Jabatan-jabatan Kerajaan sekarang. Cara itu tidaklah asing kepada negara-negara Barat, bahkan di Australia cara ini telahpun dilaksanakan di dalam tahun lima puluhan lagi. Saya suka menguatkan falsafah "clock-in, clock-out" ini dengan mencadangkan supaya tiap-tiap pekerja menyediakan satu jadual kerja harian masing-masing dan merekodkan kerja-kerja mereka di jadual tersebut pada tiap-tiap hari. Dengan adanya jadual ini bolehlah diukur dan diketahui setakat mana kecekapan pekerja-pekerja dan kebolehan mereka. Tentulah ada perbezaan cara pengukuran kebolehan pekerja itu dari satu tahap dengan tahap yang lain. Pengukuran ini juga membolehkan perlaksanaan "man-hour audit" yang saya percaya perlaksanaan ini akan menambahkan lagi keupayaan dan pencapaian pekerja-pekerjanya. Cara ini telahpun dilaksanakan dengan jayanya

kepada pekerja-pekerja firma profesional khususnya akauntan. Dengan ini juga boleh diukur kebolehan tiap-tiap pekerja bila masa ganjaran yang dibuat, hendak diberikan seperti kenaikan pangkat atau gaji. "Man-hour audit" jika dilaksanakan, saya penuh percaya akan boleh meningkatkan lagi produktiviti pekerja-pekerja kita. Tentulah kerja-kerja Jurodit Negara akan bertambah ringan dan mereka bolehlah melaksanakan tugas odit mereka dengan lebih mendalam dan berkesan lagi.

Dalam hal ini saya suka memberikan sekalung bunga kepada Ketua Odit Negara kerana telah menonjolkan kelemahan-kelemahan pembaziran-pembaziran dan penyelewengan-penyelewengan sepertimana yang dibentangkan oleh beliau di dalam Laporan Odit yang dibentangkan di Parlimen ini. Saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kegigihan beliau menyingkap segala penyelewengan dengan tegas dan berani. Saya suka mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (Public Accounts Committee) yang telah bertindak dengan beraninya serta membuat penyiasatan dan laporan sebagaimana yang dikehendaki oleh Parlimen

Dalam hal ini saya menyanjung tinggi sifat Kerajaan Barisan Nasional yang tidak takut kepada teguran, dengan ini menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional betul-betul mematuhi slogan "Berseh, Cekap dan Amanah" bak kata pepatah "Berani kerana benar, takut kerana salah". Tidaklah perlu pihak Pembangkang melaungkan perasaan kurang senang kepada pemilihan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (Public Accounts Committee) ini yang dipilih daripada Ahli Barisan Nasional dengan kerana sebagai sebuah Jawatankuasa yang bebas di mana Ahli-ahli Pembangkang turut bersama-sama menjadi ahlinya, maka perwatakan Jawatankuasa ini tidak perlu dipersoalkan lagi. Hanya ahli-ahli yang baru yang kurang arif dalam cara pentadbiran negara yang akan menyoalkan kedudukan Jawatankuasa ini dan cara pemilihan ahli-ahlinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili satu kawasan di mana terlibat satu proses penukaran dasar pertanian negara iaitu Projek Johor Barat

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat itu minta jalan.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Saya tidak beri jalan, sebab saya ada banyak lagi hendak bercakap, Tuan Yang di-Pertua.

Saya suka mendapat penjelasan dan kepastian daripada Yang Berhormat Menteri Pertanian sama ada benar masa depan kelapa dan koko adalah gelap. Sekiranya ini benar, sukalah saya mencadangkan satu strategi baru dengan menukarkan tanam-tanaman tersebut dengan tanaman-tanaman lain seperti tomato, kobis, kentang, kacang tanah, buah-buahan tempatan atau apa-apa jenis tanaman yang sesuai dan disepadukan sambil menentukan supaya agensi-agensi pemasaran seperti FAMA dan Persatuan Peladang memainkan peranan yang lebih gigih, berkesan dan benar-benar memberi manfaat kepada petani-petani. Kalau perlu buatlah penyiasatan dan kajilah segala kelemahan-kelemahan yang ada dan janganlah pihak-pihak yang berkenaan sentiasa menidakkan dan menafikan segala teguran kerana segala teguran-teguran adalah berpunca dengan sebab yang tertentu dan kemungkinan kebenarannya ada walaupun tidak pada keseluruhannya.

Saya suka mengambil perhatian Kementerian Pertanian mengenai penjagaan projek Johor Barat ini. Pada keseluruhan pelaksanaan projek ini berjalan dengan baik. Tetapi saya rasa dukacita dengan pejagaan (maintenance) perparitan dan jalan-jalan di dalam projek ini. Kerap kali apabila hujan lebat banyak kawasan-kawasan yang tenggelam disebabkan parit yang tidak dibersihkan, yang tidak digali atau dikorek dan menyebabkan air bertakung dan tidak berjalan. Air-air ini menjadi masam dan seterusnya menyebabkan pokok-pokok dan

tanaman-tanaman mati. Ini menyebabkan kerugian besar kepada petani-petani. Prinsip menyediakan terlalu banyak parit-parit seperti main drain, parit-parit pertanian, parit-parit balas dan lain-lain parit kecil menyebabkan terlalu banyak parit dan menyebabkan tidak terjaga dan seterusnya menjadikan kos penyelenggaraannya begitu besar. Apakah faedahnya diadakan parit-parit yang sebegitu banyak sekiranya parit-parit ini tidak hendak dijaga. Pada hal sebelum ini petani-petani cukup senang dan tidak mengalami banjir kerana parit-parit tidak begitu banyak dan oleh itu mereka mampu membersihkan parit-parit tersebut.

Saya berharap supaya masa-masa akan datang pihak profesional yang terlibat dengan satu-satu rancangan, sebelum merancang sesuatu perlulah mendapatkan fikiran orang-orang kampung dan petani-petani yang penuh berpengalaman dengan keadaan setempat dan alam sekitar di tempat-tempat mereka. Saya menyeru kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab supaya dapat mengadakan peruntukan yang perlu untuk membersihkan parit-parit dan jalan-jalan di-projek tersebut.

Masalah nelayan pantai dan nelayan pukat tunda juga patut saya sebutkan di sini, kerana ini telah menjadi masalah di kawasan saya. Perbalahan yang mungkin membawa akibat buruk sering berlaku. Saya berharaplah supaya dapat dijalankan tugas bersama pihak Polis Laut ataupun Polis Darat serta Navy dengan Jabatan Perikanan supaya kelicinan dan peluang mencari nafkah di bumi Allah ini tidak terjejas dan tidak menjadi satu perkara yang menakutkan kepada nelayan-nelayan tersebut.

Sekarang saya ingin menyentuh peranan Lembaga Urusan dan Tabung Haji atau LUTH. LUTH ditubuhkan dengan tujuan selain daripada mengumpul dan menyimpan wang orang-orang Islam untuk dilaburkan ada mempunyai tugas yang lebih besar lagi iaitu tugas service atau perkhidmatan supaya bakal-bakal haji mendapat kemudahan dan keselesaan semasa menunaikan haji di Mekah dan di Madinah. LUTH dengan kebijakannya pada awal-awal lagi telah menasihatkan supaya

bakal-bakal haji bersabar dan menerima segala perkara yang tidak menyenangkan dengan tabah. Saya mengakui memang tepat nasihat ini. Tetapi hendaknya janganlah kesabaran jemaah haji ini dijadikan lesen untuk Tabung Haji berlepas tangan dan membenarkan syeikh-syeikh haji mengutuk jemaah-jemaah kita dan Tabung Haji seterusnya membiarkan jemaah-jemaah kita seperti kata pepatah "Anak ayam kehilangan ibu", tidak terbelas dan sangat-sangat menyedihkan keadaan mereka semasa di sana. Di Madinah kebanyakan jemaah-jemaah kita ditempatkan di rumah-rumah yang jauh daripada Masjid Nabawi. Ada yang terpaksa berjalan lebih dua batu untuk menunaikan sembahyang pada tiap-tiap hari. Fikirkanlah bagaimana susahnya, bagaimana penatnya, bagaimana letihnya jemaah-jemaah kita terpaksa berjalan kaki untuk menunaikan sembahyang dalam panas matahari yang membakar. Tetapi oleh sebab iman yang teguh dan makam sabar yang tinggi tiap-tiap jemaah telah berjaya melaksanakan tugas-tugas mereka terhadap Allah dengan tekun dan kusyuk.

Tetapi saya perlu menyebut di sini mungkin disebabkan berjalan terlalu jauh itu banyak jemaah-jemaah yang sakit apabila sampai masanya untuk pergi ke Mekah. Saya berani memperkatakan di sini kerana saya sendiri mengalaminya. Mengapakah jemaah haji kita diletakkan di tempat yang jauh manakala jemaah haji negara-negara lain dapat rumah-rumah yang dekat walaupun datang lewat daripada jemaah-jemaah haji kita. Bahkan ada jemaah-jemaah Malaysia yang pergi ke Mekah cara tourist dan tidak melalui Tabung Haji dapat pula rumah-rumah yang hampir dengan masjid. Ini seolah-olah menjadi tamparan yang hebat kepada jemaah-jemaah haji yang pergi melalui Tabung Haji dan ini seperti kata pepatah Inggeris "Adding insult to injury". Apabila sampai di Mekah keadaannya adalah menyedihkan lagi.

Pada satu masa, seramai 57 orang telah ditempatkan dalam satu flet dua bilik, dengan satu bilik air. Ada jemaah yang tidur di sebelah-sebelah tandas dan ada yang tidur di luar kaki lima, di luar flet tersebut di dalam keadaan yang menyedihkan. Fikirlah

bagaimana 57 orang boleh mempunyai cukup masa untuk menggunakan sebuah tandas. Saya membuat satu congkak kalau seseorang itu mengambil masa lima minit untuk menggunakan tandas ini bermakna 285 minit atau 4 jam 45 minit masa diperlukan. Ini bermakna sekiranya kesemua jemaah hendak menunaikan fardu subuh terpaksa orang yang mula-mula sekali mengambil wuduk mestilah bermula pada jam 12.00 tengah malam.

Selain daripada itu jemaah-jemaah kita tidak diberi tempat di bilik-bilik bahkan didamparkan di kaki lima yang tidak pernah dibersihkan sebelum jemaah-jemaah sampai. Ini sangat membahayakan dari segi kesihatan disebabkan mereka terpaksa menyedut bau yang busuk dan udara yang tidak bersih.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya berasa dukacita semasa jemaah kita ditempatkan dalam keadaan demikian tidak seorang pun pegawai-pegawai Lembaga Urusan dan Tabung Haji yang datang meninjau ataupun untuk meringankan perasaan sakit jemaah-jemaah tersebut. Walau bagaimanapun, saya suka memuji pihak perubatan Lembaga Urusan dan Tabung Haji yang telah menjalankan tugas-tugas mereka dengan gigih, dedikasi dan ikhlas bahkan saya bersimpati dengan mereka disebabkan mereka terpaksa menjalankan tugas-tugas mereka dengan berjalan kaki berbatu-batu tanpa kemudahan kenderaan. Bukan sahaja demikian kelengkapan dan kemudahan mereka semuanya tidaklah cukup hingga pada satu masa saya sendiri terpaksa meminjam kereta sorong (wheel chair) daripada kumpulan perubatan Singapura kerana hendak membawa seorang pesakit yang teruk kerana perubatan Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak mempunyai wheel chair. Ini sungguh mengaibkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kemudahan perumahan di Mekah dan Madinah boleh diperbaiki sekiranya perancangan yang rapi dan teliti dibuat. Saya suka mencadangkan supaya satu strategi dibuat iaitu Lembaga Urusan dan Tabung Haji hendaklah pada awal-awal tahun lagi berunding dengan syeikh-syeikh Haji mengenai rumah-rumah tumpangan yang

hendak ditempah dan menentukan rumah-rumah yang sesuai sahaja yang diambil dan segala janji-janji hendaklah dimasukkan ke dalam kontrak. Pembayaran sebanyak 60% bolehlah dibayar terlebih dahulu tetapi bakinya 40% hanya dibayar apabila Syeikh-syeikh Haji telah memberi layanan yang memuaskan setelah tamat musim haji dan tidaklah seperti yang dilakukan pada masa ini iaitu pembayaran 100% dibayar kepada Syeikh-syeikh Haji semasa jemaah-jemaah haji sampai di Jeddah.

Saya percaya perkara ini boleh dilakukan kerana semasa saya di sana ada Syeikh-syeikh Haji yang sanggup berbuat demikian. Saya suka juga mencadangkan supaya Pejabat LUTH di Mekah dipindahkan berhampiran dengan Masjidil Haram supaya Jemaah-jemaah Haji tidak perlu berjalan berbatu-batu untuk mengambil wang atau pergi ke klinik-klinik ataupun menjalankan tugas-tugas lain kerana sambil mereka menunaikan sembahyang di Masjidil Haram bolehlah mereka singgah di Pejabat LUTH. Saya suka mencadangkan supaya sebuah jawatankuasa perlu ditubuhkan supaya dapat menyasiat perkara-perkara yang telah saya bangkitkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Urusan dan Tabung Haji adalah satu-satunya institusi kewangan Islam yang boleh dibanggakan yang boleh memainkan peranan di dalam meninggikan matlamat ekonomi orang-orang Islam. Sudahlah sampai masanya LUTH menyahut seruan-seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengadakan sebuah hospital Islam. Sebagaimana juga telah disambut baik oleh pihak Al-Arqam bahkan pihak Al-Arqam telahpun mampu menyediakan sebuah klinik Islamnya sendiri. Tentunya LUTH lebih mampu lagi disebabkan kewangan mereka yang kukuh.

Selain daripada itu, saya mencadangkan supaya LUTH menjadikan dirinya sebagai satu institusi kewangan yang bebas dari riba di samping mengambil peranan besar dalam pembentukan Bank Islam yang akan ditubuhkan tidak berapa lama lagi.

Selain daripada itu, wang zakat yang dibayar oleh LUTH bagi pihak penyimpan-penyimpan hendaklah ditentukan supaya memberi manfaat kepada orang-orang Islam selain daripada menentukan hukum-hukumnya dilaksanakan. LUTH hendaklah mengambil peranan yang lebih aktif dalam menjayakan tanah dan harta-harta orang-orang Islam yang terbiar supaya LUTH boleh berbangga dan menjadi kebanggaan umat Islam di Malaysia. Saya suka menyentuh mengenai Tabung Ekonomi Islam yang dipungut bersama-sama zakat fitrah beberapa tahun yang lalu. Saya ingin tahu berapakah jumlah yang telah dikutip dan bagaimanakah kutipan itu dipergunakan demi untuk meninggikan ekonomi orang-orang Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh kembali strategi Belanjawan yang telah dibentangkan pada kali ini. Saya suka memberi tahniah kepada Kerajaan kerana telah mencadangkan polisi kewangan yang boleh menggerakkan industri seperti industri housing development. Selain daripada itu, monetary policy, dengan izin, yang mengurangkan kadar faedah pinjaman juga adalah baik untuk memberi nafas baru kepada perniagaan, entrepreneur ataupun pengusaha-pengusaha. Saya suka mengambil perhatian Kerajaan kepada bidang-bidang industri moden. Negara kita mestilah menyediakan diri untuk memindahkan industri-industri lama iaitu labour intensive industry dari kawasan-kawasan bandar ke kawasan luar bandar dan seterusnya menerbitkan high technology industry ke bandar-bandar. Ini bermakna Kerajaan mestilah menyediakan infrastruktur untuk labour intensive industry di luar-luar bandar dan infrastruktur yang moden di bandar-bandar seperti perkhidmatan tenaga yang cukup untuk kegunaan computer dan mesen-mesen, kemudahan-kemudahan perhubungan seperti jalanraya yang baik, keretapi, lapangan terbang, perkhidmatan telefon dan teleks yang cukup serta cekap, di samping kemudahan-kemudahan bank-bank perniagaan dan lain-lain institusi-institusi kewangan. Ini akan membolehkan negara kita menjadi negara perindustrian yang besar selain daripada menjadi sebuah pusat financial centre untuk kawasan ini.

Dengan adanya second generation industry ini maka negara kita yang kaya dengan bahan-bahan mentah tidak lagi perlu memprosesnya ke luar negeri sepertimana yang berlaku sekarang. Kita tidak perlu lagi mengagihkan barang-barang mentah kita ke luar negeri dan menjadikan negara ini sentiasa terbelunggu dengan kuasa-kuasa besar yang seterusnya boleh mencorakkan keadaan ekonomi negara kita. Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hendaklah meningkatkan lagi strategi-strategi dan langkah-langkah yang boleh membawa pelaburan asing ke negara ini untuk menanam modal di negara kita. Cara-cara yang dijalankan setakat ini mungkin telah berkesan tetapi pada pendapat saya kemungkinan kejayaan yang lebih besar boleh dicapai sekiranya tindakan galakan-galakan pelaburan dikuatkan lagi, dipergandakan lagi seperti memberikan tenaga yang lebih besar, garis-garis panduan yang berkesan kepada Atase-atase Perdagangan kita di luar negeri dan kalau boleh diadakan pertunjukan-pertunjukan perdagangan di negara-negara di mana kita mempunyai perwakilan.

Akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada rakyat Malaysia dari semua kaum supaya memberikan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara ini dan dapat menjadikan negara ini terus menjadikan sebuah negara yang aman damai sebagaimana yang telah kita rasai selama ini. Janganlah kita terpengaruh dengan seruan-seruan berat sebelah kepada satu kaum yang dilaung-laungkan oleh DAP kerana tidak ada tempat untuk satu-satu kaum sahaja di negara ini. Marilah kita bersama-sama membangunkan negara ini dan janganlah berdengki hati dengan kejayaan satu-satu kaum di dalam apa bidang sekalipun sama ada bidang ekonomi, pelajaran atau lain-lain bidang bahkan hendaklah kita menyediakan diri dengan pelajaran, pengalaman kerana hanya dengan kegigihan dan keteguhan sahaja negara kita boleh berjaya. Insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri kewangan pada 22hb Oktober, 1982 yang lalu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Selangor.

4.27 ptg.

Dato Lee Kim Sai (Ulu Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Anggaran Belanjawan bagi tahun 1983. Menurut pandangan saya Anggaran Belanjawan ini pada keseluruhannya adalah menasabah dan pragmatik. Rakyat harus memahami Kerajaan yang menjalankan dasar berpandangan jauh. Kerajaan di dalam percubaannya untuk menambah hasil negara telah cuba mengelakkan rakyat khususnya dari golongan-golongan miskin daripada bebanan cukai yang berat dengan cara mengenakan kadar cukai yang agak tinggi ke atas barang-barang mewah atau luxury sahaja. Ini bererti orang-orang yang mampu akan memberi sumbangan yang lebih banyak untuk hasil negara. Tetapi saya berharap Kerajaan akan sentiasa mengawasi kedudukan kenaikan kadar Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan kerana akibat itu sedikit sebanyak akan dipindahkan kepada rakyat berpendapatan rendah.

Salah satu strategi Belanjawan yang penting ialah memberangsangkan pertumbuhan ekonomi. Sebagaimana diketahui pembinaan dan perumahan adalah perusahaan yang paling mustahak bagi memberi perangsang atau dorongan kepada permintaan dalam negeri. Kajian-kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa perusahaan pembinaan dan perumahan memberi nafas kepada berbagai-bagai jenis perusahaan dan perniagaan yang lain, misalnya, perusahaan besi, genting, papan lapis, perabut, alat-alat elektrik seperti peti sejuk, kipas angin, alat-alat dapur dan lain-lain lagi.

Sungguhpun Kerajaan mengetahui peri mustahaknya perusahaan pembinaan dan perumahan, namun tiada pula apa-apa cadangan yang nyata di dalam Anggaran Belanjawan bagi merangsangkan pertumbuhan perusahaan, pembinaan dan perumahan yang lebih pesat dan sihat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tekankan di sini iaitu pertumbuhan perusahaan pembinaan dan perumahan, terutamanya dalam saat negara kita menghadapi kemelesetan ekonomi adalah amat penting sekali. Ianya penting bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi juga dari segi sosial, kerana perumahan tetap merupakan salah satu masalah yang berat pada masa ini. Menyelesaikan masalah perumahan akan menjamin ketenteraman dan kestabilan politik negara kita.

Saya mengalu-alukan cadangan Kerajaan hendak meningkat kadar pembinaan dengan menambah 40,000 unit rumah lagi dalam tempoh 18 bulan akan datang di samping rancangan sekarang yang hendak membina 70,000 buah rumah setahun. Harapan saya ialah apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Belanjawan bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menghasilkan tujuan itu dengan memberi pertolongan supaya dapat mempercepatkan penukaran syarat tanah itu dapat dilaksanakan dengan cepat.

Dalam hubungan ini, saya bercadang supaya Kerajaan Pusat mengadakan satu aturan standard ataupun "standard procedure" mengenai kelulusan permohonan projek-projek perumahan yang patut dipatuhi oleh semua Kerajaan Negeri atau pihak-pihak yang berkuasa.

Pembiayaan projek-projek, baik dalam bentuk "bridging financing" ataupun "end financing" adalah sukar diperolehi oleh pemaju-pemaju perumahan dan pembeli-pembeli rumah, meskipun kedua-dua pihak Kerajaan dan bank-bank pernah memberi jaminan bahawa sokongan kewangan tidak menjadi soal. Permohonan untuk mendapat pinjaman perumahan sering ditolak atas alasan bahawa pemohon itu tidak berpendapatan yang cukup.

Dalam menimbangkan permohonan-permohonan pinjaman perumahan, ada bank-bank yang berkenaan biasanya tidak mengambil kira faktor bahawa pemohon sendiri mungkin tidak mempunyai pendapatan yang cukup bagi memiliki sebuah

rumah, namun demikian, pendapatan sekeluarganya adalah mencukupi bagi memiliki rumah itu. Adalah menjadi perkara biasa bagi seseorang ayah berkongsi dengan anak-anaknya ataupun anggota-anggota keluarga yang lain untuk membeli sebuah rumah.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan mengambil langkah-langkah yang lebih positif bagi menolong pembeli-pembeli rumah seperti yang saya sebutkan itu. Misalnya, Kerajaan boleh menasihatkan bank-bank yang berkenaan supaya memperhitungkan jumlah pendapatan keluarga dalam meluluskan sesuatu permohonan pinjaman perumahan. Dalam konteks ini, beberapa bank perdagangan tempatan mula menurunkan kadar bunga simpanan tetap dari 1% ke 1½% dan di ramalkan ini akan disusuli dengan turunya pinjaman bank boleh dianggap sebagai tanda yang baik yang boleh mendorong orang ramai membeli rumah.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya suka memberi sedikit ulasan terhadap tuduhan DAP di Parlimen beberapa hari yang lalu berhubung dengan pembentukan satu warga, satu bangsa dan satu budaya.

Parti DAP cuba mengelirukan rakyat dengan memutar-belitkan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia dengan tujuan jahat. Apa yang dimaksudkan yang sebenarnya ialah kita berusaha menuju ke arah pembentukan satu warga iaitu warga Malaysia dan sebagai warga Malaysia, tetapi tidak menafi dan menghapuskan asal usul keturunan bangsa masing-masing. Dengan lain perkataan rakyat Malaysia tetap terdiri dari orang Melayu, India, Kadazan, Iban, Cina dan lain-lain. Kita semua terima satu bahasa rasmi iaitu Bahasa Malaysia, namun demikian bahasa sesuatu kaum itu tidak dihapuskan.

(Tuan Yang di-Pertua, *mempengerusikan Mesyuarat*)

Sekolah Cina dan Tamil akan terus wujud. Kerajaan akan terus membantu sekolah-sekolah ini sebagaimana yang diamalkan sejak kemerdekaan. Tidak ada apa-apa tanda,

pengajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil di sekolah akan diberhentikan. Hujah-hujah yang dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen dari parti DAP khususnya Ahli dari Kota Melaka yang tidak bertanggungjawab dan boleh menimbulkan perasaan emosi yang akan menjejaskan keamanan, keselamatan, harmoni dan kepercayaan rakyat.

Pendirian MCA mengenai hak rakyat menggunakan bahasanya sendiri telah dinyatakan banyak kali pada masa yang lalu. Saya suka mengulangi sekali lagi di Dewan yang mulia ini, kita bukan sahaja akan terus menyokong pengajaran bahasa ibunda di sekolah-sekolah bahkan akan dengan sedaya upaya untuk memastikan pengujudan sekolah menengah Cina persendirian diteruskan. MCA telah memberi sumbangan kepada sekolah-sekolah Cina bukan sahaja secara galakan tetapi juga secara memberi bantuan kewangan untuk persekolahan itu, tetapi saya hendak tahu apa parti DAP telah berbuat di atas perkara ini? Apa yang dibuat oleh DAP tak lain dan tak bukan iaitu untuk menimbulkan ketidakpuashati rakyat khususnya dari keturunan Cina dengan cara memberi asas analisa palsu untuk tujuan memecah-belahkan rakyat.

DAP sebagai sebuah parti yang melaung-laungkan "Malaysia Malaysia" tetapi pemimpinnya menentang kuat satu kebudayaan merupakan satu konsep kebudayaan Malaysia. Sukar untuk kita memahami lojiknya. DAP jangan terus menerus mengelirukan rakyat lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu bersetuju sebagai sebuah negara, kita mesti membentuk satu jenis kebudayaan Malaysia di mana bukan hanya tercermin dari tarian atau lukisan sahaja tetapi harus ditinjau dari cara hidup kita dan amalan harian. Inilah kebudayaan yang kita maksudkan iaitu satu cara hidup yang mengandungi amalan adat-resam, tradisi dan makanan kita semua kaum yang ada dalam Malaysia.

Tanda-tanda saling mempengaruhi satu sama lain telah kelihatan dalam pembentukan kebudayaan Malaysia. Misalnya makanan, dahulu adalah sukar bagi kita mempercayai orang Melayu makan nasi ayam Hainan

yang halal. Adalah kebiasaan terdapat hari ini orang Melayu menikmati makanan Cina yang halal dan orang Cina menikmati nasi lemak dan tosay, dan juga orang India makan makanan Cina dan Melayu.

DAP tidak mencari unsur-unsur yang boleh menyatu-padukan dan membentuk warga Malaysia, sebaliknya ia cuba mencungkil bidang-bidang yang boleh memecah-belahkan rakyat Malaysia. MCA akan terus menyokong apa yang benar dan betul untuk membentuk "sense of oneness" di kalangan rakyat kita. Di samping itu kita percaya amalan rakyat harus dibenar sebab ia bukan sahaja boleh memperkayakan kebudayaan nasional kita, ia juga dapat memupuk semangat harmoni dan perpaduan rakyat Malaysia.

MCA sebagai sebuah parti yang percaya ke arah pembentukan satu Malaysia yang bersatu padu, adil dan harmoni. Kita akan terus menentang sebarang niat jahat untuk memecah-belah dan mengelirukan rakyat.

Seterusnya mengenai cabaran Ahli dari Kota Melaka supaya Ahli dari Ipoh meletakkan jawatan. Tuan Yang di-Pertua, pemimpin DAP mencabar Yang Berhormat dari kawasan Ipoh meletakkan jawatan berikutan kononnya kekalahan MCA di Kepayang. Perkara ini bukanlah kali pertama yang dilakukan oleh pemimpin DAP.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu dapat mengingatkan kembali Ahli dari Kota Melaka pernah membuat cabaran seperti ini di awal tahun ini iaitu sebelum pilihanraya. Apa terjadi cabarannya itu di terima oleh Ahli dari Seremban, Presiden MCA. Apa dia buat, DAP lari kuat-kuat. Sekarang dia pula cabar Yang Berhormat kawasan Ipoh letak jawatan kerana calon MCA kalah di kawasan yang juga sebahagian kawasan Parlimen Ipoh. Jika pemimpin itu jujur apa yang dikatakannya, dia sendiri yang terlebih dahulu hendak meletak jawatan, sebab dia telah dikalahkan dalam kawasan Bandar Hilir, yang merupakan sebahagian dalam kawasan Parlimen Kota Melaka. Sekiranya pemimpin DAP ini terlupa, saya hendak mengingatkannya semula bahawa Bandar Hilir dahulu adalah kawasan DAP. Kalau hanya Kepayang ditujukan sahaja lojik dan

alasan itu merupakan "double standard". Saya akan percaya pemimpin DAP masih bermaruah jika dia meletak jawatan dahulu, sebab dikalahkan di kawasan Bandar Hilir. Sesiapa sahaja yang jujur sudah membuat demikian tetapi DAP buat senyap masa itu. Saya hanya dapat merumuskan bahawa cabaran pemimpin DAP itu adalah menunjukkan sikap kebudak-budakan dan tidak kematangan politik.

Saya percaya cabaran untuk meningkatkan kualiti penghidupan rakyat. Kita tidak mempercayai cabaran dan janji kosong. Kita tidak mempercayai salah gunakan kepercayaan dan amanah rakyat. Kita tidak melari dari tanggungjawab kita yang diamanahkan oleh rakyat. Kita juga tidak berkelakuan umpama orang yang hampir mati merayu perpindahan darah seperti dilakukan di kawasan Kepayang. Kita terima keputusan pengundi Kepayang tetapi hasrat dari penduduk Kepayang dan kawasan lain yang menjadikan kawasan Ipoh akan terus dapat disuarakan di Dewan yang mulia ini melalui Yang Berhormat dari Ipoh. Kita akan menunaikan janji kita. MCA tidak terhilang kawasan Kepayang sebab ia sebenarnya bukan kawasan MCA di mana lojiknya mengatakan kehilangan sesuatu itu jika tidak dipunyai dahulu. Tetapi bagi Bandar Hilir ia adalah berlainan sebab ia sebenarnya kawasan DAP dahulu dan orang menghilangkan kawasan itu tidak lain dan tidak bukan pemimpin parti itu sendiri iaitu Ahli kawasan Kota Melaka. Hakikat ini mencukupi sangat bagi beliau meletak jawatan dan bukan membuat cabaran.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya akan menyentuh sedikit berkenaan dengan keadaan kelas bahasa ibunda murid kurang memuaskan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana memberi peruntukan sebanyak \$1,166 juta untuk pelajaran. Dengan peruntukan yang terbesar dari Anggaran Pembangunan ini menunjukkan pelajaran adalah bidang memang diutamakan oleh Kerajaan, dan saya suka mengambil kesempatan ini menghuraikan masalah kelas bahasa ibunda murid di sekolah menengah kebangsaan yang sangat jauh dari memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh secara ringkas kesukaran dan masalah yang dihadapi ketika ini dalam melaksanakan sistem kelas bahasa ibunda murid ini. Apabila penggal pertama sekolah dimulakan pada tiap-tiap tahun, ibubapa murid yang ingin anak-anak mereka mengambil bahagian dalam kelas bahasa ibunda murid dalam darjah atau tingkatan tertentu dikehendaki terlebih dahulu mengisi dan menandatangani borang yang dikeluarkan oleh sekolah berkenaan. Borang ini adalah borang permohonan untuk mengadakan kelas bahasa ibunda murid dan ibubapa murid mesti menandatangani borang yang tersebut untuk dikembalikan kepada sekolah yang berkenaan. Setelah borang tersebut ini diterima oleh pihak sekolah, Guru Besar sekolah akan mula mendaftar murid-murid yang berkenaan untuk mengetahui sama ada bilangan murid yang ingin mengikuti kelas bahasa ibunda murid satu-satu darjah itu mencapai jumlah yang tidak kurang dari 15 murid. Sekiranya jumlah murid yang ingin mengikuti kelas bahasa ibunda murid dalam satu-satu darjah itu tertentu mencukupi 15 orang murid atau lebih, maka Guru Besar sekolah berkenaan akan mengemukakan borang-borang permohonan kepada Jabatan Pelajaran untuk mendapat kelulusan bagi mengadakan dan memulakan kelas bahasa ibunda murid dalam darjah atau tingkatan yang tertentu itu.

Setelah kelulusan diperolehi daripada Jabatan Pelajaran, Guru Besar sekolah berkenaan terpaksa mencari seorang guru yang sesuai untuk mengajar kelas bahasa ibunda murid itu. Apabila Guru Besar berkenaan berjaya mendapat seorang guru yang sesuai, maka perlantikan guru tersebut hendaklah diluluskan oleh Jabatan Pelajaran. Untuk menyiapkan proses bagi mengadakan kelas bahasa ibunda murid ini memakan masa selama tiga bulan dan dengan itu peluang murid-murid yang ingin menyertai kelas bahasa ibunda murid telah tergendala selama tiga bulan.

Kelas bahasa ibunda murid akan berakhir apabila Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dimulakan dalam awal bulan Oktober tiap-tiap tahun. Oleh itu, pada keseluruhannya

murid-murid berkenaan hanya dapat menyertai kelas ibunda murid ini selama enam bulan sahaja dalam setahun.

Kelas bahasa ibunda murid tidak berterusan. Satu-satu kelas bahasa yang diadakan dalam mana-mana satu tahun tidak akan diteruskan setahun yang berikutan. Permohonan hendaklah dibuat tahun demi tahun untuk meneruskan kelas bahasa ibunda murid, lebih-lebih lagi kemajuan murid-murid yang menyertai kelas bahasa ibunda murid tidak diteruskan dari satu darjah ke darjah yang lain dalam tiap-tiap tahun. Guru kelas bahasa ibunda murid ini sendiri menghadapi berbagai kesukaran dan masalah.

Pertama, tidak ada panduan pelajaran (syllabus) yang tertentu untuk dipandu. Kedua, kebanyakan kelas bahasa ibunda murid diadakan pada hari Sabtu. Ketiga, matapelajaran yang diajar tidak diwajibkan dalam peperiksaan. Dengan itu murid-murid bersikap kurang mengambil minat terhadap matapelajaran yang diajar dalam kelas bahasa ibunda murid ini. Akhir sekali, guru yang berkenaan mungkin tidak akan dilantik semula pada tahun yang berikutnya. Oleh itu, saya suka meminta Kementerian Pelajaran mengikhtiarkan supaya bahasa ibunda murid dapat dijalankan dengan lebih licin dan sempurna dan dengan ini saya suka syorkan perkara-perkara yang berikut untuk dipertimbangkan:

- (1) Kelas bahasa ibunda murid hendaklah diadakan secara automatik ke atas semua sekolah menengah kebangsaan. Dengan lain perkataan, dalam mana-mana sekolah kebangsaan yang mempunyai seramai 15 orang murid yang berminat untuk menyertai kelas bahasa ibunda murid sendiri, maka kelas itu hendaklah diadakan secara automatik dengan tidak mengenakan apa-apa syarat ataupun peraturan permohonan yang saya sebutkan itu.
- (2) Mengadakan guru-guru tetap dan cukup bagi tiap-tiap sekolah dan guru-guru ini mestilah guru yang berkelayakan.

- (3) Mengadakan satu sukatan pelajaran (syllabus) yang khusus bagi kelas bahasa ibunda murid dan sukatan pelajaran itu hendaklah diterbitkan oleh penerbit yang diluluskan oleh Kementerian Pelajaran dan sukatan ini hendaklah digunakan oleh semua sekolah menengah kebangsaan.
- (4) Kelas bahasa ibunda murid hendaklah diadakan dalam waktu jadual mengajar dan bukannya diajar hari Sabtu atau di luar masa jadual biasa.

Akhirnya, saya suka menyentuh sedikit berkenaan masalah nelayan pukat tunda. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Belanjawan menyatakan Kerajaan sentiasa memberi keutamaan yang tinggi supaya negara kita mencapai taraf bercukupan sendiri dalam bidang makanan dan langkah-langkah sedang diambil supaya rakyat senang mendapatkan bahan-bahan makanan yang lebih berzat, termasuklah ikan. Dalam hubungan ini suka saya menghuraikan tentang masalah yang dihadapi oleh nelayan pukat tunda pada masa sekarang.

Beberapa hari lalu nelayan-nelayan pukat tunda dari negeri Selangor telah menyuarakan kebimbangan mereka tentang Jabatan Perikanan yang hendak menguatkuasakan penggunaan mata pukat tunda dengan mata jaring 1½ inci bagi menggantikan pukat yang bermata jaring 1 inci yang mereka gunakan selama ini.

Apa yang mereka khuatir ialah jaring pukat tunda yang 1½ inci kalau dipaksa penggunaannya, tangkapan mereka akan merosot dengan banyak. Dalam saat kemelesetan ekonomi, pendapatan mereka akan turut merosot dan mungkin tidak dapat cukup untuk menampung perbelanjaan yang tinggi untuk bot pukat tunda yang mereka hendak tanggung.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut angka yang diberi oleh Kerajaan pada tahun lalu, di negeri Selangor dan Perak di mana kebanyakan bot pukat tunda berada terdapat sejumlah 2,183 buah pukat tunda yang berlesen. Selain dari

itu, pukat tunda yang tidak berlesen mengikut jangkaan jumlahnya kira-kira 4,000 buah. Berdasarkan hakikat jumlah nelayan-nelayan pukat tunda yang begitu ramai dan peranan penting mereka membekalkan makanan yang berzat protin serta sumbangan mereka dalam mendapat tukaran asing untuk negara, kekhawatiran mereka seharusnya mendapat perhatian oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut satu ujian yang dijalankan pada 25hb Julai, 1981 di Pantai Remis yang disaksikan sendiri oleh pegawai-pegawai perikanan Kerajaan telah membuktikan penggunaan mata pukat tunda 1½ inci itu penangkapan ikan berkurangan tiga kali dari segi nilai dibandingkan dengan hasil penangkapan oleh jaring pukat 1 inci.

Golongan nelayan pukat tunda terwujud kira-kira 12 tahun dulu dengan teknik penangkapan pukat dapat digunakan. Pertempuran sering berlaku dulu akibat dari rebutan sumber di dalam laut antara nelayan pukat tunda dengan nelayan tradisional. Kita bersyukur kerana kebelakangan ini pertempuran seumpama ini sangat berkurangan dan ada setengah tempat tidak lagi berlaku dan keamanan laut dapat diwujudkan. Untuk mengekalkan keadaan ini saya suka menyeru nelayan-nelayan pukat tunda mematuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan dengan menangkap ikan di luar dari kawasan 5 batu dari pantai sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan. Sementara itu saya suka mencadangkan mereka terus dibenarkan menggunakan pukat satu inci agar mereka dapat mencari kehidupan di dalam laut yang sering nyawa mereka diganggu oleh ombak dan lain-lain ancaman.

Tuan Yang di-Pertua, penangkapan ikan merupakan pekerjaan musim dan hasil dan jenis penangkapan berlainan mengikut arus yang sentiasa berubah. Saya suka mengesyorkan cadangan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian pada 4hb Julai di Kemaman yang hendak membenarkan nelayan boleh menggunakan berbagai pukat bagi satu lesen khas untuk nelayan tradisional itu diperluaskan kepada nelayan pukat tunda supaya mereka tidak terasa dianaktirikan dan sama-sama dapat menikmati jasa Kerajaan.

Adalah dimaklumkan Kerajaan berniat untuk mengalihkan nelayan-nelayan, terutamanya nelayan pukat tunda menukar cara pencarian penghidupan. Misalnya, dialihkan dari laut ke darat dengan mencucuk tanam atau pekerjaan-pekerjaan lain. Walau bagaimanapun, sebelum satu cara yang sempurna dapat dirancang dan sebelum nelayan-nelayan sanggup menerima apa-apa pertukaran cara penghidupan mereka, mereka mesti diberi peluang dengan cara mencari penghidupan mereka yang mereka warisi atau sedia ada. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Belud.

4.53 ptg.

Tuan Haji Mohamad Yahya Lampong (Kota Belud): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk bersama-sama membahaskan dasar Belanjawan negara bagi tahun 1983 yang telahpun dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

Saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana dapat mempersembahkan satu Belanjawan yang pada hemat saya cukup menasabah dan bertimbang rasa.

Saya menghulurkan kata-kata penghargaan ini bukanlah dengan niat untuk semata-mata memuji Kerajaan tetapi atas kesedaran bahawa Kerajaan kita adalah kerajaan rakyat, untuk rakyat dan dari rakyat. Dari hakikat ini tidaklah terlalu menghairankan kenapa Belanjawan negara bagi tahun 1983 ini lebih menceerminkan cita rasa dan aspirasi semua golongan rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah.

Saya rasa tidak cukup sekadar untuk menghargai kemantapan Belanjawan tersebut kerana sebagai Wakil Rakyat yang menyedari suasana ekonomi negara sekarang adalah kurang wajar bagi saya untuk memusatkan pandangan yang terlalu kritikal untuk semata-mata mencari kelemahan-kelemahan dalam Belanjawan tersebut kerana saya cukup sedar

bahawa tugas serta tanggungjawab untuk menyediakan Belanjawan negara bukanlah satu kerja yang mudah.

Membuat pertimbangan-pertimbangan yang serius, saksama tentulah amat rumit dan berat, apalagi dalam menghadapi keadaan kemelesetan ekonomi di samping itu memikirkan pula kepentingan rakyat.

Apa yang lain paling menarik bagi diri saya ialah keupayaan Kerajaan melalui langkah-langkah yang terkandung dalam Belanjawan ini dalam mencari perseimbangan antara keperluan dan pengeluaran negara bagi tahun yang sukar untuk meramalkan suasana ekonomi.

Sebagai manusia biasa yang memahami hati nurani rakyat golongan petani, nelayan, penoreh getah dan sebagainya, saya tidak ragu-ragu mengatakan bahawa Belanjawan 1983 ini mampu untuk memberikan sumbangan positif bermakna dan saksama ke arah menjaga kepentingan mereka yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, tumpuan perbahasan saya yang pertama ialah tentang langkah-langkah Kerajaan untuk terus memberikan perhatian wajar kepada pertahanan dan keselamatan negara di mana sektor ini mendapat peruntukan 21% daripada jumlah Perbekalan Pembangunan. Bahasan saya ini sebenarnya berbangkit daripada pandangan Ahli dari Kota Melaka yang telah mempersoalkah kenapa pertahanan dan keselamatan ini diberikan keutamaan. Sebaliknya, peruntukan bagi sektor ini menurut Ahli tersebut digunakan untuk pembangunan bagi meninggikan taraf hidup rakyat.

Mungkin tidak keterlaluan kalau saya katakan bahawa pendapat Ahli dari Kota Melaka ini mencerminkan pemikiran beliau yang agak sempit tentang pentadbiran sebuah negara yang berdaulat. Sungguhpun pada hakikatnya pertahanan dan keselamatan negara adalah satu perkara yang enteng kalau dilihat daripada satu segi iaitu dari segi pandangan orang-orang yang tidak faham

mengenai maruah dan kedaulatan negara, tetapi sesebuah negara yang berdaulat dan dihormati tidak akan dianggap sedemikian sekiranya negara itu tidak boleh mempertahankan diri biarpun pada kadar yang paling minima sekali.

Saya ingin bertanya kepada Ahli dari Kota Melaka iaitu dalam negara yang moden dan penuh dengan tata susila dan tata-tertib undang-undang apakah gunanya orang-orang belajar kung-fu, tae-kwando, silat dan macam-macam lagi seni mempertahankan diri? Adakah ini untuk menyerang orang ataupun mempertahankan diri supaya orang lain dapat menghormati kita sepenuhnya dan supaya kita seorang manusia yang tidak boleh dipersia-siakan? Apa sudah jadi kepada Afganistan, Kampuchea, Iran dan Poland? Bukankah keselamatan negara terancam dalam dunia yang moden dan mempunyai pemimpin-pemimpin yang dianggap waras dan rasional seperti anggapan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Saya harap di masa hadapan supaya Ahli dari Kota Melaka itu akan lebih bertanggungjawab dan memahami keperluan-keperluan negara seperti Malaysia sekiranya ahli tersebut menganggap dirinya seorang warganegara yang taat setia kepada negaranya.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada apa yang disebutkan di atas, saya pula berpendapat bahawa langkah Kerajaan memberi perhatian tegas terhadap sektor keselamatan dan pertahanan ini adalah wajar dan tepat pada masanya. Pada hemat saya perseimbangan antara kepesatan pembangunan dengan kekukuhan pertahanan adalah penting kerana tanpa jaminan keselamatan di negara ini malah di mana-mana negara sekalipun, kita mungkin akan menghadapi kesukaran untuk menarik para pelabur asing untuk melabur di negara ini. Lebih-lebih lagi, terkecuali negara-negara anggota ASEAN kita mempunyai jiran tetangga yang pendiriannya masih diragui. Kesetabilan suasana inilah yang sebenarnya menjadi faktor penting untuk menanamkan keyakinan kepada para pelabur asing dalam ertikata lain bahawa mereka tidak perlu

diburu oleh perasaan ragu-ragu atau bimbang kerana negara ini menjadi kacau bilau bila-bila masa. Tentulah kurang logik kalau kita memikirkan atau mengharap para pelabur asing akan tertarik hati untuk melabur di negara ini andainya mereka tahu bahawa keselamatan mereka tidak terjamin.

Kekuatan pertahanan yang menjamin keselamatan di negara ini bukan sahaja berfungsi bagi perkara yang saya sebutkan tadi tetapi ia sesungguhnya menjaga kepentingan semua rakyat tanpa mengira bangsa ugama atau fahaman politik. Anggota-anggota Pembangkang juga seharusnya bersyukur kerana mereka juga tidak terkecuali daripada menikmati faedah perkhidmatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita berusaha untuk memperkukuhkan pertahanan negara ini, mungkin negara kita juga boleh mengorak langkah bagi memulakan satu inisiatif baru ke arah memperkukuhkan pertahanan bagi rantau ASEAN. Sebagaimana yang wujud sekarang di kalangan negara-negara ASEAN ini lebih tertumpu kepada soal-soal kerjasama sosial dan ekonomi. Tetapi di segi pertahanan, saya belum nampak suatu pendekatan yang lebih konkrit atau tegas di kalangan negara-negara anggota ini untuk membuka mata dunia, bahawa ASEAN itu sebagai sebuah kuasa yang juga dihormati dari segi pertahanan. Kita tidaklah berniat untuk menjadi sebuah kuasa besar seperti NATO atau Warsaw Pact, tetapi kombinasi tenaga ketenteraan dalam ASEAN ini tidak akan mudah diancam atau digugat oleh mereka.

Kekuatan pakatan tentera ASEAN ini tidak semestinya diertikan untuk mengancam negara-negara jiran tetapi dengan adanya tenaga berpadu ini, ASEAN dengan sendirinya tidak menggalakkan kuasa-kuasa asing yang cuba-cuba mahu menguji sejauhmana kita boleh mempertahankan diri, terutama di segi kesediaan untuk membantu rakan-rakan kita dalam ASEAN, sekiranya rakan tadi diserang tanpa alasan-alasan yang menasabah. Dengan adanya pakatan pertahanan ini, ASEAN akan wujud sebagai sebuah kuasa yang lebih dihormati bukan

kerana kekuatan mempertahankan diri, akan tetapi kesediaan untuk mempertahankan diri. Siapakah di dunia ini yang boleh percaya sekiranya rakan kita dalam ASEAN diserang tanpa sebab, sementara negara-negara anggota yang lain berdiam diri?

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dalam proses kita memesatkan pembangunan ekonomi negara, Kerajaan tidak lupa bahawa aspek pertahanan juga tidak kurang pentingnya. Mungkin kita akan bertanya: Kenapakah Jepun mesti memperhebatkan kekuatan pertahanannya sedangkan Jepun adalah sebuah negara yang superpower, dengan izin, dalam bidang ekonomi. Jepun juga telah membuktikan bahawa ianya tidak mahu terlibat dalam apa juga sengketa, akan tetapi Jepun juga sedar bahawa kalau Jepun itu baik, orang lain mungkin tidak baik. Ini juga menunjukkan bahawa proses perlumbaan dalam bidang ekonomi akan membosankan pemimpin-pemimpin dunia oleh sebab persaingan yang begitu hebat, di mana negara-negara yang sedang maju boleh membeli apa jua teknologi dan kepakaran dari negara-negara yang semua memilikinya. Kemungkinan besar kuasa ekonomi yang dimiliki oleh Barat berkemungkinan dapat ditembusi dan untuk mencari jalan keluar, kemungkinan besar juga kuasa-kuasa besar ini akan mengekalkan kedudukan masing-masing sebagai superpower dalam bidang senjata moden, dan negara-negara kecil yang tidak berkemampuan sama ada di bidang mempertahankan diri atau dalam bidang ekonomi akan menjadi mangsa permainan oleh negara-negara yang saya sebutkan tadi. ASEAN akan terkeluar daripada permainan ini sekiranya ASEAN akan wujud sebagai sebuah kuasa sama ada dari segi ekonomi atau pertahanan. Hiduplah ASEAN sebagai sebuah negara yang bermaruah dan berdaulat.

Dengan adanya perhubungan atau ikatan pertahanan ini, negara-negara ASEAN akan lebih mesra dan lebih komited daripada suasana yang wujud sekarang, di mana kepentingan negara lebih penting daripada kepentingan ASEAN. Kalau kita benar-benar mahu mewujudkan ASEAN sebagai sebuah keluarga lima negara, kepentingan negara masing-masing dan kepentingan Asean mestilah diperseimbangkan supaya kita akan

lebih dihormati oleh kuasa-kuasa lain. Tanpa kekuatan pertahanan, kekuatan ekonomi tidaklah akan terjamin. Bagi mencapai cita-cita ini, negara-negara anggota hendaklah mencari jalan bagaimana meningkatkan persefahaman di segi pertahanan. Antaranya, mungkin di segi mempergiatkan lagi latihan-latihan ketenteraan bersama. Dengan cara ini, negara-negara anggota bukan sahaja memahami keperluan bidang masing-masing tetapi dapat pula mendekati atau menghalusi taktik-taktik tertentu dalam keperluan-keperluan kepakaran ketenteraan. Bidang-bidang lain yang boleh diharap daripada hasil kerjasama ini ialah:

- (a) Negara-negara anggota boleh menganjurkan dasar pembelian alat-alat senjata secara "economies of scale". Cara ini boleh menjimatkan wang bagi setiap negara anggota serta akan meyakinkan kuasa-kuasa yang mengeluarkan alat-alat senjata itu bahawa dalam menjaga kepentingan ASEAN, ianya juga merasakan kepentingan terjaga.
- (b) Negara-negara anggota hendaklah meningkatkan kepakaran di segi pembuatan alat-alat senjata keluaran ASEAN sendiri, guna untuk menampung keperluan semua negara-negara anggota. ASEAN mestilah mengubah konsep yang terlalu bergantung kepada bekalan senjata daripada kuasa-kuasa luar.

Malah, amalan ini boleh menimbulkan masalah kepada ASEAN sendiri, apabila kuasa-kuasa besar ini nanti menghadkan quota penjualan alat-alat senjatanya kepada ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, kini saya beralih pula kepada strategi Belanjawan itu dari segi pembangunan. Sesungguhnya saya juga turut bergembira apabila difahamkan bahawa Belanjawan negara 1983 ini akan terus memainkan peranan penting kepada memberikan keutamaan kepada sektor pembangunan, bagi mempercepatkan proses pencapaian cita-cita kebangsaan atau lebih jelasnya "integrasi nasional".

Sebenarnya, cita-cita murni inilah yang sentiasa memburu hati kecil saya, malah kepada sesiapa saja yang cintakan negara dan bangsa. Saya bersyukur kerana hal ini diberi perhatian wajar dan istimewa. Walaupun kita maklumi negara kita sedang menghadapi tekanan kemelesetan ekonomi, walaupun usaha mencapai ke arah matlamat ini masih boleh dipersoalkan tetapi perhatian yang diberikan oleh Kerajaan ini sudah tentunya akan memberi sumbangan paling bermakna lagi untuk mencapai konsep integrasi nasional.

Sukalah saya membangkitkan di Dewan yang mulia ini bahawa sesungguhnya kita masih berdepan dengan beberapa konflik, "conflicts of interests" dalam pelaksanaan konsep integrasi nasional ini. Apa yang saya maksudkan ialah agar pelaksanaan konsep ini benar-benar dapat berfungsi spiritually dan physically.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin tidaklah keterlaluan kalau saya katakan bahawa kami dari Sabah masih belum lagi begitu terdedah kepada soal integrasi nasional ini. Malah bagi kami konsep ini masih samar-samar atau semacam satu teori yang timbul atas kesedaran secara luaran saja. Kerana itu, dua faktor yang saya sebutkan tadi sangat wajar untuk dikaji secara mendalam.

Saya amat setuju dengan strategi Belanjawan negara ini yang terus menitik beratkan sektor pembangunan. Kerana sektor inilah yang sebenarnya punca atau nadi penggerak pelaksanaan integrasi nasional. Bertolak dari hakikat inilah saya mengambil kesempatan di sini untuk membangkitkan sedikit masalah yang kami hadapi di Sabah.

Pada dasarnya, Sabah hanya berpeluang memahami konsep ini melalui dasar yang dilaksanakan oleh Parti Berjaya yang sentiasa bekerja keras untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negeri itu, melalui pembentukan satu parti untuk semua kaum iaitu, multi-racial party. Di peringkat negari, saya kira Kerajaan Berjaya telah pun memainkan peranan positif ke arah konsep ini, tetapi masalah yang harus dikaji di sini

ialah bagaimanakah konsep integrasi nasional ini benar-benar dapat diresapkan ke dalam jiwa masyarakat Sabah, supaya mereka dapat mengikiskan perasaan kedaerahan.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya ini tidak lengkap kalau saya tidak sentuh tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh DAP kepada Kerajaan Barisan Nasional, khasnya kepada parti Berjaya di Sabah. Saya ingin menjelaskan di Dewan yang mulia ini tentang tuduhan DAP yang mendakwa pemimpin-pemimpinnya menghalang masuk ke Sabah. Sebenarnya, Kerajaan Berjaya bukanlah takut kepada pemimpin-pemimpin DAP datang ke Sabah.

Pemimpin-pemimpin Berjaya adalah terdiri daripada orang-orang yang bertanggungjawab. Bertanggungjawab bukan saja kepada mempertahankan demokrasi tetapi bertanggungjawab melindungi rakyat yang tidak berdosa daripada dipengaruhi oleh manusia yang tidak bertanggungjawab, yang menggunakan apa saja taktik untuk mendapatkan pengaruh. Mereka ini telah menyalahgunakan demokrasi untuk kepentingan mereka. Mereka ini hidup dengan tuduhan-tuduhan liar, tidak berasas, merayu kepada sentimen dan bukan kepada daya fikiran. Rakyat Sabah, tidak seperti di Semenanjung, belum terdedah kepada demokrasi DAP. DAP harus faham, apa juga yang dibuat, sokongan mereka terhadap golongan kecil yang dapat dikelirukan oleh perkara-perkara sentimen. Sebenarnya sokongan ke atas DAP hanya terhadap kepada penduduk-penduduk di bandar sebagaimana terbukti di Semenanjung Malaysia.

Saya berani mengatakan bahawa kalaupun lapan kerusi negeri di Sabah jatuh kepada DAP, Kerajaan Berjaya masih belum tergugat. Tetapi yang malang, saya ulangi, yang malang, secara kebetulan penduduk-penduduk di bandar adalah terdiri daripada warganegara Malaysia berbangsa Tionghua. Kalau perkara ini berlaku penduduk-penduduk yang terdiri daripada kaum bumiputra diluar bandar akan menaruh perasaan yang tidak baik ke atas tindakan saudara-saudara Tionghua. Alangkah malangnya rakyat Malaysia yang berbilang

kaum ini dipecah-belahkan oleh sistem demokrasi yang kita harap-harapkan akan melindungi rakyat. Kita merasa amat sedih, yang amat sedih sekali, kalau objektif-objektif, cita-cita murni ini kita untuk menyatu-padukan rakyat berbilang kaum, diburu ke alam porak peranda oleh demokrasi itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin Berjaya tidak rela melihat rakyat Sabah yang tidak berdosa dipengaruhi oleh dakyah-dakyah kosong DAP yang berselindung di sebalik demokrasi. Tunggulah apabila pemimpin-pemimpin DAP lebih bertanggungjawab membangkang secara membina dan kepada perkara-perkara asas seperti Pembangkang ulung yang dihormati, Tan Sri Tan Chee Khoo dan apabila rakyat Sabah sudah matang dengan taktik-taktik DAP kita akan buka pintu Sabah kepada sesiapa juga pemimpin Pembangkang yang ingin bertapak di Sabah. Jadi janganlah tujuan mulia kita di Sabah disalahtafsirkan oleh pemimpin-pemimpin DAP.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini sendiri telah lama menyaksikan tindak-tanduk pemimpin-pemimpin DAP. Sebahagian besar dari tuduhan yang dilemparkan kepada Kerajaan Barisan Nasional adalah tidak berasas. Apa yang pemimpin-pemimpin DAP lupa ialah rakyat faham apa yang dikatakan politik dan Kerajaan beerpolitik berasaskan lunas-lunas demokrasi. Mereka faham apa yang terjadi ke atas satu-satu tindakan di bawah Kerajaan demokrasi. Bukan sahaja di Malaysia berlaku perbezaan layanan bahkan di seluruh dunia pun di mana negara-negara yang mempraktikkan demokrasi memberi layanan yang berlainan kepada penyokong-penyokong dan kepada bukan penyokong secara langsung atau tidak langsung. Apabila Kerajaan bertukar menurut ideologi yang diprinsipkan oleh Kerajaan itu banyak kepentingan yang terjejas, baik kepentingan perseorangan ataupun kepentingan golongan yang cenderung kepada ideologi yang bertentangan kepada dasar Kerajaan. Misalnya, memilik-negarakan setengah institusi-institusi akan menjejaskan

kepentingan golongan yang anti-milik negara dan begitu juga sebaliknya. Menarik balik social security atau lain-lain kemudahan yang akan menjejaskan golongan yang bergantung kepada skim tersebut. Apakah ini balas dendam? Inikah black-mail? Atau menakutkan? Kenapa kalau berlaku di Malaysia ianya jadi blackmail? Balas dendam atau menakutkan.

Saya syorkan supaya pemimpin-pemimpin DAP baca kembali kepada apa itu demokrasi. Di mana ada absolute democracy? Bukankah perkara biasa penyokong-penyokong mendapat layanan yang berlainan daripada bukan penyokong? Berapa ramai pemimpin-pemimpin DAP yang sudah keluar atau dikeluarkan daripada DAP kerana menentang atau tidak menyokong Setiausaha Agongnya? Mereka diketepikan atas nama menentang dasar parti. Tetapi yang sebenarnya ialah kerana menentang atau tidak seialiran dengan Setiausaha Agongnya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional dan Kerajaan Berjaya di Sabah sebenarnya tidak terkeluar daripada prinsip-prinsip demokrasi kerana rakyat bukan tidak faham bahawa Kerajaan kita adalah Kerajaan politik dan kuasa kita lahir daripada pungutan suara dan adalah tepat kalau kuasa itu digunakan untuk orang yang memberikan kita kuasa, iaitu penyokong-penyokong kita. Kalau bukan dengan undi mereka di manakah kita sekarang? Kalau mereka tidak bersetuju dengan tindakan itu tentulah kita kalah dalam pilihanraya. Adalah tidak adil kalau kuasa yang diberi kepada kita dalam pilihanraya umum diutamakan kepada orang lain. Ini tidak demokratik. Ini macam kera. Anak orang lain disusukan; anak di hutan ditinggalkan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya apa yang kita lakukan di Malaysia ini tidak ada satupun terkeluar daripada sisi undang-undang. Kalau kita tinjau di sebilangan besar negara-negara lain yang melaung-laungkan demokrasi, penentang-penentang Kerajaan dihapuskan, disengsarakan, dipenjarakan dan lain-lain lagi dilakukan kepada penyokong-penyokong pihak Pembangkang. Rakyat

Malaysia, terutama sekali pemimpin-pemimpin Pembangkang harus bersyukur kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang terdiri daripada orang-orang yang rasional, tolak ansur dan mahu memelihara demokrasi menurut kesesuaian yang wujud di negara ini. Kalau adapun "inconvenience", dengan izin, it is mild by any standard. Semua orang tahu, kecuali Pembangkang di negara ini bahawa Kerajaan kita, dengan izin, by any standard, it is well above average dari segi pembangunan dan lain-lain usaha untuk memperbaiki taraf hidup rakyat. Ini bukan sahaja diketahui oleh rakyat Malaysia bahkan kepesatan pembangunan kita dipuji oleh lain-lain negara dan pelawat-pelawat yang datang. Begitu juga institusi-institusi dunia seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia yang terus-menerus menaruh kepercayaan kepada negara ini meminjamkan kita wang untuk membiayai pembangunan kita. Pihak DAP harus sedar pinjaman-pinjaman mereka ini adalah tertakluk kepada dasar kita memperbaiki taraf hidup sebagai asas dan ukuran pinjaman. Begitu juga pelabur-pelabur asing yang terus-menerus melabur di Malaysia untuk faedah pembangunan kita. Setiausaha Agong DAP, has done a great disservice to this country kerana menakutkan orang dengan buku "The time bomb of Malaysia" kerana menggambarkan kepada negara lain bila-bila masa sahaja negara kita akan meletup kekacauan.

Dalam ucapannya beberapa hari yang lalu Ahli dari Kota Melaka telah menyatakan bahawa kami ahli-ahli Bebas dari Sabah adalah Bebas palsu. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kami duduk di belakang Pembangkang, kami mempunyai tugas-tugas yang tertentu. Selain dari menyokong Barisan Nasional, kami telah ditugaskan oleh Presiden kami bagi menjaga ahli-ahli DAP dari belakang kerana ahli-ahli daripada Barisan Nasional telahpun duduk di depan supaya ahli-ahli DAP tidak boleh main dari belakang dan dari depan (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya merayu kepada Ahli-ahli DAP supaya jangan salah anggapan. Bukan kita takut, kita tidak gentar

kepada telatah DAP. Kita risau atau gelisah seperti yang dianggapkan oleh Ahli dari Kepong. Kita hanya geli hati dengan drama Pak Pandir. Ayam menang sabung, kampung tergadai.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang harus diketahui oleh pemimpin-pemimpin DAP ialah sungguhpun parti DAP itu adalah sebuah parti pembangkang dan mempunyai konsep berbilang kaum tetapi DAP harus sedar bahawa pengaruh DAP itu tidak menyeluruh kepada setiap golongan rakyat yang berbilang kaum, it is not an alternative government. DAP hanya berjaya memikat hati segolongan rakyat yang dapat dipengaruhi oleh isu-isu sentimen, perkara-perkara sensasi dan lakunan-lakunan dramatik, sebagai platform mereka mendapatkan sokongan dari orang-orang yang mengharapkan DAP bertindak demikian. Ada pula yang menyokong DAP bukan kerana DAP baik lebih baik daripada Barisan Nasional tetapi ada rakyat yang mahu mewujudkan Pembangkang di Parlimen supaya demokrasi dapat dipraktikkan. Bagaimanapun janganlah pula sokongan yang mulia ini disalahertikan oleh DAP dan terus berkelakuan bongkak, menganggap kita takut, kita gelisah atau kkuatir kepada politik DAP yang sempit dan kepada bunyi drum kosong yang dipalu oleh DAP. Sesungguhnya sikap yang ditunjukkan oleh para pemimpin DAP adalah ibarat katak di bawah tempurung kerana mereka hanya kenal dunia DAP tetapi seolah-olah menolak kewujudan dunia lain. Sikap angkuh DAP ini mencerminkan seolah-olah mereka ini semuanya betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang pengisytiharan Kepayang yang telah dibuat oleh Ahli dari Kota Melaka yang telah menggunakan kemenangan itu sebagai ukuran sokongan rakyat jelata terhadap DAP. Jelas sekali apa yang saya katakan DAP ibarat hidup di bawah tempurung adalah benar. Selain daripada itu dalam tahun lapan puluhan ini, pengisytiharan DAP juga menyentuh tentang isu-isu berbagai bahasa, budaya dan seterusnya menurut DAP, dipraktikkan di negeri ini.

Perisytiharan DAP ini kemungkinan besar berdasarkan apa yang terjadi di Amerika, Kanada, Australia atau New Zealand di mana kaum pendatang telah dapat menakluki dan mengeneipikan kaum bumiputra. Di Malaysia, orang-orang pendatang tidak pernah menakluki dan mengeneipikan kaum bumiputra kerana bilangan penduduk Bumiputra pun lebih banyak daripada warganegara berketurunan pendatang. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak gemar menyentuh isu-isu ini tetapi nampaknya pemimpin-pemimpin DAP terus-menerus mempertikaikan, mengungkit-ungkitkan perkara ini yang sudahpun termaktub dalam Perlembagaan. Perlembagaan telahpun menegaskan bahawa Bahasa Malaysia itu adalah sebagai Bahasa Kebangsaan dan kebudayaan bangsa Melayu sebagai teras kebudayaan kebangsaan.

Saya ingin menekankan di sini bahawa rakyat di negara ini termasuk warganegara berketurunan pendatang telahpun menerima Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Kebangsaan ini akan digunakan di setiap institusi pelajaran. Ini bermakna bahawa untuk kita menyatupadukan rakyat, adalah waras untuk setiap warganegara mengutamakan Bahasa Kebangsaan kerana saya percaya suatu masa nanti apabila Bahasa Kebangsaan ini boleh digunakan dalam semua bidang, warganegara berketurunan pendatang sudah tentulah akan lebih beruntung kerana dapat menguasai Bahasa Kebangsaan, kerana dengan pengetahuan Bahasa Kebangsaan adalah lebih mudah untuk mendapat pekerjaan dan lain-lain kemudahan yang memerlukan pengetahuan Bahasa Kebangsaan. Pendek kata warganegara berketurunan pendatang adalah lebih beruntung menguasai Bahasa Kebangsaan daripada sebaliknya. Selain daripada itu penguasaan Bahasa Kebangsaan akan dapat mengurangkan perbezaan perasaan antara kaum di negeri ini. Sekiranya pemimpin-pemimpin DAP terus-menerus gunakan isu-isu bahasa dan budaya sebagai isu politik, selagi itulah warganegara berketurunan pendatang mengingatkan dan membesar-besarkan jenerasi turun-menurun akan asal usul kedatangan mereka. Kalau

tidak ada kompromi dalam soal ini saya tidak nampak dalam masa 100 tahun akan datang bahawa Malaysia boleh mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang bersatupadu dan aman damai.

Kalau dasar kompromi ini tidak diputuskan dari awal untuk membolehkan Kerajaan menerangkan rancangan-rancangan untuk masa depan yang berdasarkan kepada keputusan kompromi di atas, saya khawatir negara kita ini akan terus-menerus hidup di dalam suasana yang bukan diterima dengan hati yang tulus ikhlas tetapi terpaksa menerima dengan hati yang menolak. Kita bernasib baik pada masa ini kita mempunyai pemimpin-pemimpin moderate dan rakyat bumiputra yang terus bersikap sederhana. Tapi janganlah pula sikap sederhana ini disalahtafsirkan sebagai sikap yang sentiasa mengalah kalau isi-isu bahasa dan budaya ini terus-menerus di-pertikaikan. Ini akan sentiasa memperingatkan kaum bumiputra bahawa rupa-rupanya ada perbezaan asas di antara kaum bumiputra dan bukan bumiputra, dan sebaliknya kaum bukan bumiputra juga akan terus-menerus diperingatkan. Ini dapat dibuktikan di negara India di mana kemerdekaan dicapai lebih awal daripada kita. Sungguhpun seluruh warganegara India adalah terdiri daripada warganegara tempatan, akan tetapi oleh sebab pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab menggembar-gemburkan isu bahasa dan budaya sebagai isu politik, maka wujudlah kekacauan yang ditimbulkan oleh isu-isu bahasa dan budaya, lebih-lebih lagi warganegara Malaysia mempunyai keturunan berlainan. Oleh yang demikian saya berharap pemimpin-pemimpin DAP berhati-hati dan lebih bertanggungjawab supaya isu-isu bahasa dan budaya itu kalau boleh diketepikan sama sekali supaya kita dapat elakkan apa yang berlaku di India.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, saya minta maaf kalau salah, adalah lebih menguntungkan murid-murid daripada warganegara pendatang memasuki sekolah-sekolah kebangsaan oleh kerana tindakan ini bukan sahaja akan dapat menyemai semangat persefahaman dari kecil lagi akan tetapi ianya akan mengurangkan perasaan-perasaan perkauman yang pasti akan timbul oleh sebab

perbezaan institusi pelajaran, di mana sekolah-sekolah Cina dan India sudah tentulah lebih mengutamakan kaum masing-masing. Saya berkata demikian oleh sebab kalau kita hematkan perkara ini dalam keadaan hidup sehari-hari, tiap-tiap kumpulan itu memang ada perbezaan, kepentingan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya khawatir kalau pemimpin-pemimpin DAP terus menerus membangkitkan isu-isu seperti bahasa dan budaya, dua golongan tidak akan senang hati. Pertama orang-orang Cina dan India akan fikir bahawa dasar itu tidak memenuhi aspirasi mereka, sementara bumiputra pula menjadi risau kerana isu yang sudahpun termaktub di dalam Perlembagaan terus menerus dibangkitkan oleh DAP. Kalau kita benar-benar cintakan negara Malaysia, kita seharusnya berhati-hati untuk membuat apa saja kenyataan yang bersabit dengan isu-isu bahasa, budaya dan lain-lain perkara yang menimbulkan keraguan antara kaum. Kita rakyat Malaysia terutama sekali Ahli-ahli Dewan yang mulia haruslah sedar bahawa dalam masyarakat majmuk, apa juga yang dilaksanakan mesti ada satu kaum yang tidak senang. Oleh yang demikian, adalah baik perkara-perkara yang bersabit dengan isu-isu yang kurang menyenangkan ini diredakan daripada digempar-gemburkan.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin DAP hanya boleh hidup dengan isu-isu dan budaya sejak dari mula DAP ditubuhkan hinggalah ke hari ini. DAP tidak ada isu baru. Patut jugalah pengaruh DAP itu, dengan izin, "at best stagnant, static", malah berkurangan. Setelah kalah teruk dalam pilihanraya umum, lagu-lagu yang songsang terus dimainkan, lagu-lagu ini tidak berubah. Bagaimana boleh tingkatkan pengaruhnya kalau pandangan-pandangan songsang ini terus menerus dijadikan platform. Sedangkan prestasi Barisan Nasional makin sehari semakin meningkat, berubah—progressive, in motion. Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional pun turut bertukar, hinggalah berkemuncak dengan slogan "Bersih, Cekap dan Amanah". Apakah perubahan yang ada di dalam DAP

etelah kurang lebih satu dekat setengah berselindung di bawah naungan isu bahasa, budaya yang menjadi trade mark kepada DAP?

Saya cabar pemimpin-pemimpin DAP upaya mewujudkan idea-idea yang baru yang lebih asas, yang lebih memberi manfaat kepada rakyat jelata. Kalau tidak, saya yakin pemimpin-pemimpin DAP sudah berkrap dengan idea atau isu yang lebih asas dan menyeluruh. Kalau ini kedudukan DAP lebih baik secara terang-terang DAP katakan sahaja bahawa DAP sebenarnya ialah sebuah parti orang-orang Cina dan India kerana parti DAP bukan multi racial. Saya juga mencabar pemimpin DAP terutama sekali Setiausaha Agungnya, Ahli dari Jelutong, Kepong dan Sandakan supaya meletakkan jawatan kerana mereka ini sudah tidak ada idea-idea yang asas dan yang baru. Lebih baik mereka digantikan oleh Saudara Lee Lam Thye, Ahli dari Kuala Lumpur Bandar (*Ketawa*) dan lain-lain pemimpin yang membangkang secara membina kepada perkara-perkara asas. Kemungkinan besar kalau corak pimpinan DAP ini bertukar, saya Ahli bebas mungkin akan menyertai parti itu kerana ia akan menjadi sebuah parti Pembangkang yang lebih bertanggungjawab untuk menghidupkan demokrasi dalam ertikata yang sebenarnya dan bukan membangkang serta memutarbelitkan isu-isu yang mungkin membawa maut kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan telahpun menegaskan bahawa Bahasa Melayu itu adalah bahasa rasmi di negara ini sementara bahasa-bahasa lain terus terpelihara. Dengan hakikat ini dapatlah diertikan bahawa bahasa-bahasa daerah yang lain, yang sungguhpun menjadi bahasa ibunda kaum peribumi di negara ini tidak diberi keistimewaan setaraf dengan Bahasa Kebangsaan. Minta maaf, saya ulangi— Dengan hakikat ini dapatlah diertikan bahawa bahasa-bahasa daerah yang lain, yang sungguhpun menjadi bahasa ibunda kaum peribumi di negara ini tidak diberi keistimewaan setaraf dengan Bahasa Kebangsaan.

Dengan ertikata yang lain, walaupun bahasa-bahasa daerah ini terus hidup, taraf keistimewaannya tidak sama rata dengan Bahasa Malaysia. Oleh kerana itu boleh dianggap bahawa demi kepentingan perpaduan nasional iaitu melalui penggunaan satu bahasa, bahasa-bahasa peribumi di negara ini seperti Kadazan, Bajau, Murut, Suluk, Sungei, Iban, Dayak, Melanau, Bidayuh dan lain-lain lagi tidak mendapat keistimewaan seperti Bahasa Malaysia. Sekiranya bahasa Cina atau India diberikan taraf sama rata dengan Bahasa Kebangsaan, saya tidak nampak mengapa bahasa-bahasa ibunda yang saya sebutkan tadi tidak berhak untuk mendesak atau menuntut bahawa mereka juga patut diberikan taraf sama rata dengan Bahasa Kebangsaan, memandangkan taraf mereka sebagai kaum bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, yang paling anih sekali bagi saya ialah kenapakah pemimpin-pemimpin terus menerus merasa gelisah, terus menerus membangkitkan soal bahasa Cina dan India akan terhapus. Pemimpin-pemimpin DAP terus mendesak supaya institusi-institusi pengajian tinggi dibina untuk orang-orang Cina, yang kononnya dapat memelihara bahasa tersebut. Kalau bagini pandangan pemimpin-pemimpin DAP, bagaimana pula halnya dengan bahasa-bahasa kaum peribumi di negara ini? Bukankah mereka ini lebih berhak untuk mendesak Kerajaan supaya sekolah-sekolah untuk kaum Kadazan, Bajau, Murut, Sungei, Suluk, Iban, Dayak, Melanau, dan Bidayuh juga berhak untuk menubuhkan sekolah-sekolah bagi kaum masing-masing. Yang saya dapat fahami ialah bahawa mereka yang saya sebutkan ini tidak pernah pun menyuarakan kebimbangan mereka bahawa bahasa mereka akan hapus, dengan termaktubnya Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dalam perlembagaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa suku kaum bumiputra yang saya sebutkan tadi tidak pernah mempunyai sekolah-sekolah untuk semata-mata mahu menghidupkan bahasa-bahasa suku kaum tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya sama sekali tidak faham dengan telatah DAP yang begitu bimbang dan takut bahasa kaum Cina akan lenyap di bumi Malaysia ini sedangkan ia terang-terang menyedari bahawa kaum Cina lebih beruntung, lebih istimewa kerana ia sudah mempunyai sekolah-sekolah untuk kaumnya sendiri. Kenapakah DAP harus mempersoalkan kepentingan untuk satu kaum sahaja iaitu kepentingan orang-orang Cina dan India.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya memikirkan kepentingan bahasa, saya sebenarnya lebih berhak untuk bercakap menggunakan bahasa ibunda saya iaitu Bajau dan begitu juga halnya dengan rakan-rakan saya berketurunan Kadazan, Murut, Sungei, Suluk, Iban, Bidayuh, Melanau, tetapi kami tidak berbuat demikian kerana kami telahpun menerima Bahasa Kebangsaan kita di negara ini ialah Bahasa Malaysia. Jelaslah di sini bahawa kaum bumiputra sebenarnya lebih bertolak ansur dalam memikirkan soal kepentingan bahasa dan perpaduan, lagipun mereka sedar bahasa ibunda mereka tetap terpelihara, tidak mati walaupun Bahasa Malaysia itu menjadi bahasa rasmi. Yang sungguh mengeciwakan saya ialah kenapakah pula warganegara berketurunan pendatang lebih mendesak-desak supaya bahasa mereka dapat keistimewaan sama taraf dengan Bahasa Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memikirkan soal bahasa ini, tentulah tidak adil kalau kita hanya memusatkan pandangan kita di negara ini sahaja. Di negara-negara lain misalnya di Indonesia, bahasa-bahasa ibunda seperti Bugis, Timur, Batak dan lain-lain bahasa yang tidak berkaitan dengan Bahasa Indonesia tetap hidup walaupun Bahasa Indonesia menjadi Bahasa Kebangsaan. Begitu jua halnya dengan negara-negara seperti di Filipina, Kanada, Russia, China dan sebagainya, bahasa-bahasa ibundanya terus terpelihara. Kenapa pula di Malaysia, DAP mesti menanamkan rasa bimbang di kalangan orang-orang Cina dan India bahawa bahasa mereka ini akan mati?

Tuan Yang di-Pertua, saya inginlah menyeru kepada Kerajaan supaya mengambil tindakan tegas ke atas tindak tanduk DAP

yang terus menerus menggunakan isu-isu bahasa dan budaya yang sensitif ini sebagai batu loncatan mereka untuk mencari pengaruh. Malah perbuatan mereka ini bukan sahaja satu perbuatan menderhaka kepada orang-orang Cina dan India tetapi kepada semua rakyat di negara ini kerana menanamkan benih benci membenci antara satu sama lain, sepertimana yang terdapat di India dan lain-lain negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih pula kepada perkara-perkara yang lebih asas, lebih penting untuk dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini, iaitu mengenai dasar integrasi negara yang saya sebutkan di atas tadi di mana kestabilan politik, keamanan serta kesejahteraan rakyat di negara ini akan terjamin di masa hadapan. Kerana itu saya inginlah merayu kepada Kerajaan Pusat melalui Dewan yang mulia ini supaya mengkaji dan menimbangkan perkara-perkara di bawah ini dengan sewajarnya. Kerana, saya yakin dan percaya bahawa perkara-perkara yang saya sebutkan di bawah ini boleh memberikan sumbangan paling positif ke arah menayakan pelaksanaan integrasi nasional.

- (1) Kerajaan Pusat hendaklah mengkaji semula dasar pemberian peluang-peluang jawatan kepada penduduk di Jabatan-jabatan Persekutuan di peringkat negeri. Amalan yang ada sekarang ini seolah-olah hanya memberi keutamaan kepada orang-orang dari Semenanjung sahaja dalam mengisi jawatan kosong penting di Jabatan-jabatan yang saya maksudkan. Saya berpendapat amalan ini tidak sihat. Sekiranya amalan yang ada sekarang ini diteruskan juga, saya bimbang rakyat Sabah boleh melahirkan anggapan prejudis terhadap saudara-saudara dari Semenanjung. Misalnya, apabila jawatan-jawatan tertentu yang sepatutnya boleh dijabat oleh penduduk Sabah sendiri tetapi diutamakan kepada rakan-rakan dari Semenanjung, ia akan melahirkan mood atau sikap "self-protective" dan akhirnya memberi anggapan "who needs who?" Suasana ini juga akan

mencerminkan seolah-olah rakyat Sabah lebih ditekankan supaya memahami aspirasi Semenanjung daripada sebaliknya. Inilah yang saya maksudkan di segi spiritual dan fizikal.

- (2) Kerajaan haruslah memberi peluang kepada penduduk yang berkelayakan di Sabah dilantik menjadi Duta atau Pesuruhjaya Tinggi di luar negeri.
- (3) Kerajaan haruslah juga menimbangkan serta mengkaji masalah-masalah perkembangan pelajaran di Sabah, bukan sahaja kekurangan kemudahan-kemudahan di segi infrastuktur tetapi dalam berbagai kaedah yang bersangkutan dengan peningkatan mutu pelajaran di negeri itu. Saya percaya dan yakin bahawa aspek pelajaran ini sangat penting dalam usaha menyatupadukan rakyat di negara ini. Masalahnya, ialah sekiranya taraf pelajaran ini tidak ditingkatkan, sudah tentulah akan mewujudkan pula cara pemikiran yang berbeza-beza. Dalam memikirkan masalah pelajaran di Sabah, saya kira Kerajaan Pusat sendiri sedia maklum serta mengakui bahawa Sabah masih ketinggalan dalam serba serbi bidang pelajaran, di mana masih ramai guru-guru yang berkelulusan Darjah Enam mengajar di sekolah rendah. Sesungguhnya keadaan inilah yang tidak dapat mengimbangkan keperluan di segi keupayaan mengatasi masalah pembelajaran dengan lebih berkesan. Kelemahan-kelemahan asas inilah yang sebenarnya banyak membawa kemerosotan prestasi pelajaran di negeri Sabah. Misalnya, kalau kita tinjau keputusan peperiksaan SPM atau SRP, kita akan dapat memberi kesimpulan peratus keputusan peperiksaan di Semenanjung jauh lebih tinggi peratusnya daripada Sabah. Ini bukanlah bererti murid-murid Sabah malas atau kurang pandai daripada murid-murid di Semenanjung tetapi adalah disebabkan oleh kelemahan-kelemahan asas yang saya sebutkan di atas tadi. Selain dari itu Kerajaan hendaklah memberikan kelonggaran

yang sesuai kepada para penuntut Sabah untuk memasuki institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini. Dengan adanya kelonggaran ini, peluang bagi penuntut-penuntut Sabah untuk memasuki universiti-universiti akan lebih luas.

Rayuan saya yang ketiga ialah meminta Kerajaan supaya menimbangkan untuk membina lebih banyak lagi sekolah-sekolah pra-universiti di Sabah. Sekolah-sekolah yang ada sekarang ini bukan sahaja tidak mencukupi tetapi kekurangan kemudahan-kemudahan asas.

- (4) Dari segi sosio-ekonomi pula, saya inginlah membangkitkan masalah harga barangan di Sabah yang nampaknya jauh lebih tinggi daripada di Semenanjung.

Saya merayu kepada Kerajaan Pusat supaya mengkaji masalah harga barangan yang terlalu tinggi di negeri ini. Ketidaksamarataan harga barang antara Sabah dan Semenanjung ini banyak menimbulkan jurang perbezaan.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa kuasa-kuasa tertentu bagi mengawal harga barangan ini banyak terletak kepada Kerajaan Pusat, terutama sekali harga barangan keperluan seharian yang banyak melibatkan golongan berpendapatan rendah. Saya berpendapat sekiranya Kerajaan tidak memberikan subsidi untuk menyamakan harga barangan ini, adalah tidak berat untuk rakyat Semenanjung untuk membayar lebih sedikit memandangkan penduduk di Semenanjung jauh lebih tinggi daripada Sabah. Kenaikan walaupun barang lima sen sekalipun, sudah boleh membantu meringankan atau mengoffset harga barangan di Sabah. Lagipun tindakan rakyat di Semenanjung ini bukanlah merupakan tindakan satu hala. Sebenarnya rakyat Sabah juga memberi sumbangan kepada pembangunan di Semenanjung melalui cukai-cukai pendapatan, pembangunan dan seterusnya minyak pengeluaran Sabah, banyak di sumbangkan kepada pembangunan negara termasuk negeri-negeri di Semenanjung.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kerajaan Pusat supaya menimbangkan bagi membolehkan berbagai kemudahan yang diberikan melalui agensi-agensi Kerajaan di Semenanjung ini di-luaskan ke Sabah seperti:

- (a) Majuikan dan sebagainya.
- (b) Projek pengairan seperti yang terdapat di Kuala Muda Kedah, Kemubu, dilaksanakan di Sabah. Projek yang sedemikian boleh dilaksanakan di Kota Belud, di mana 85% daripada penduduk bergantung kepada sawah padi. Saya pasti dengan adanya pelaksanaan projek tersebut, bukan sahaja dapat membantu petani untuk meningkatkan mutu penghidupan mereka tetapi dapat pula membantu meningkatkan pengeluaran negara. Langkah Kerajaan Pusat untuk mengambil alih pentadbiran Lembaga Letrik Sabah adalah sangat-angat dialu-alukan, dan rundingan yang telah diadakan sekarang untuk mengambil alih Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah adalah satu langkah tepat. Saya berharap Kerajaan Pusat bukan sahaja menghadkan pengambilan-alihan dua lembaga tersebut tetapi berharap ianya lebih diperluaskan lagi. Pendek kata, apa juga institusi pusat yang telah ditubuhkan untuk kebajikan dan seterusnya kemudahan atau subsidi rakyat, hendaklah diperluaskan ke Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Damansara.

5.35ptg.

Tuan Tan Koon Swan (Damansara): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Anggaran Belanjawan 1983 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Anggaran Belanjawan bagi tahun 1983 adalah adil, saksama dan wajar memandangkan kedudukan negara kita pada masa sekarang. Secara keseluruhannya Belanjawan ini adalah melegakan meskipun beberapa cukai yang dikenakan terutamanya

cukai jualan atau perniagaan akan membawa kepada inflasi yang tidak begitu teruk. Walau bagaimanapun, ini adalah isyarat yang diberikan kepada rakyat bahawa kita terpaksa bersedia untuk menghadapi sedikit kesusahan dalam kemelesetan ekonomi yang terus yang tidak pernah kita alami sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam saat genting kemelesetan ekonomi sedunia ini Kerajaan kita tetap memperlihatkan kebijaksanaannya. Inilah satu tanda Kerajaan yang baik. Dalam masa kesusahan begini Kerajaan kita bukan sahaja bertindak untuk mengelakkan negara kita daripada malapetaka bahkan juga merumuskan strategi bagi mempergunakan peluang-peluang yang timbul dari kemelesetan itu sendiri. Kerajaan kita telah membuat sesuatu yang sungguh baik dengan menunjukkan kepada dunia bahawa sebuah negara kecil yang sedang membangun seperti Malaysia juga mempunyai Kerajaan yang berkebolehan dan kemahiran bukan sahaja untuk memastikan Malaysia akan terus hidup tetapi juga bersiap sedia untuk menghadapi sebarang cabaran dan percubaan di masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang kebolehan dan kemahiran, sungguh sukacita saya mendapati bahawa Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah menaruh perhatian berat kepada pentingnya penyelidikan. Pengecualian cukai yang diberikan untuk menggalakkan penyelidikan di negara ini adalah satu langkah yang paling sesuai dan amat disambut baik. Apa yang saya maksudkan dengan bersiap sedia untuk menghadapi cabaran dan percubaan di masa depan di atas tadi, saya adalah merojok kepada langkah ini.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengatakan bahawa kita mesti bercita-cita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang agong supaya rakyat Malaysia menjadi rakyat yang agong. Saya menyokong sepenuhnya seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita memandang kepada negara-negara agong dan menkaji tentang bagaimana ia mencapai

keagongannya maka ternyatalah keagongannya itu lahir dari kekuatan batin. Ini bererti sumber-sumber yang ada pada negara itu dan di antara sekian banyak sumber-sumber itu sumber tenaga manusialah yang paling berharga dan mustahak sekali. Bakat dan kemahiran serta kerajinan rakyatlah yang menjadikan sebuah negara itu besar dan agong.

Dalam Anggaran Belanjawan ini, saya menemui satu usaha yang membina, satu cita-cita untuk meneroka sumber tenaga manusia yang tersebut tadi dan menggalakkan mereka mencungkil bakat serta memperolehi kemahiran bagi membawa kemajuan negara dan kemajuan seluruh umat manusia. Saya berharap galakan-galakan yang diberikan kepada syarikat-syarikat yang menjalankan penyelidikan dan juga maksud serta cita-cita Kerajaan memberikan galakan-galakan tersebut akan merupakan langkah pertama ke arah mewujudkan satu bangsa dan negara yang kreatif dan progresif.

Tuan Yang di-Pertua, keagungan sesebuah negara sekarang adalah diukur dari segi kemajuan teknologinya. Tujuan penyelidikan adalah untuk merancang perkembangan teknologi. Kita amat memerlukan teknologi dan perkembangan negara pada peringkat ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa teknologi. Dunia menjadi bertambah sophisticated dan teknologi begitu pesat sehingga sukar untuk kita memahaminya jika tidak menyesuaikan diri dengan cepat. Jika kita tidak mahu menyesuaikan diri atau memajukan diri maka nescayalah kita ketinggalan zaman dan negara kita akan terus hidup bergantung kepada orang lain biarpun kita tidak suka berbuat demikian.

Kemelesetan ekonomi yang dialami sekarang telah memberi pelajaran kepada kita semua. Ketergantungan kita kepada barang-barang utama kepada pasaran tradisional bukan sahaja mendedahkan kita pukulan kemelesetan ekonomi dunia tetapi juga kepada ketidak setabilan harga di pasaran dunia. Sungguhpun kita mengakui faktor bahawa ekonomi negara kita adalah merupakan sebahagian daripada sistem

ekonomi dunia dan dengan itu kesejahteraan ekonomi kita tidak dapat dipisahkan dari dunia.

Namun demikian, tidak pula dapat kita terus bergantung sepenuhnya kepada orang lain. Sudah tibanya masanya untuk kita menentukan nasib kita sendiri dengan menghasilkan barang-barang sendiri dan mengadakan pasaran sendiri. Inilah masanya kita mempelbagaikan ekonomi kita.

Kerajaan kita telah merumuskan satu strategi kearah ini. Kerajaan telah berulang kali menyeru supaya kita mempelbagaikan ekonomi negara dengan mendirikan perusahaan berat, perusahaan yang berasaskan sumber-sumber asli dan perusahaan dengan teknologi maju. Kerajaan juga menggalakkan pihak swasta menubuhkan syarikat-syarikat perdagangan antarabangsa atau Sogoshosha untuk meneroka pasaran-pasaran dunia bagi memasarkan barang-barangan kita. Sudah tentu tindakan ini adalah kena pada tempatnya tetapi untuk melakukan kesemuanya ini kita memerlukan banyak tenaga manusia yang mahir dalam sains dan teknologi. Pendek kata penyelidikan sains dan teknologi adalah syarat yang terpenting bagi menentukan kejayaan kita dalam usaha mempelbagaikan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, penyelidikan memerlukan bakat-bakat yang diberikan kebebasan untuk berkembang dan mencipta. Orang-orang yang berbakat bukan sahaja harus diberi galakan seperti pengecualian cukai supaya tampil kemuka tetapi suasana di negara kita juga hendaklah sesuai untuk pertumbuhan daya pencipta mereka. Sikap kita terhadap para ahli sains dan teknologi hendaklah betul. Bukanlah maksud saya bahawa kita mesti mewujudkan satu kelas sosial yang istimewa, maksud saya ialah sikap kita terhadap teknologi dan cara masyarakat kita menyesuaikan diri dengan teknologi juga amat penting.

Dalam hubungan ini, saya rasa bahawa sikap Kerajaan dan pegawai-pegawai Kerajaan terhadap penyelidikan dan kemajuan teknologi masih belum memuaskan lagi. Saya berkata demikian kerana ahli-ahli sains dan teknologi kita tidak diberi layanan yang setimpal dengan

keupayaan mereka. Perasaan keciwa dan tidak puas sedang meluas di kalangan ahli-ahli sains dan teknologi terutama sekali di kalangan doktor-doktor dan jurutera-jurutera dalam perkhidmatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah majikan yang terbesar yang menggunakan tenaga ahli-ahli sains dan teknologi di negara kita. Oleh yang demikian, cara bagaimana kakitangan-kakitangan Kerajaan terlibat dalam bidang sains dan teknologi dilayani adalah membayangkan sikap Kerajaan terhadap ahli-ahli teknologi dan professional umumnya. Golongan rakyat yang berbakat dan berkemahiran ini bekerja di dalam keadaan yang penuh dengan berbagai sekatan. Keadaan ini telah merintang komunikasi yang sihat dan membinasa daya pengeluaran serta fikiran kreatif mereka. Ambil sahaja doktor-doktor dan jurutera-jurutera Kerajaan sebagai contoh. Perasaan keciwa dan tidak puas hati di kalangan ini telah semakin meruncing dan mungkin meletus bila-bila masa sahaja. Satu pemogokan yang dirancangan oleh doktor-doktor Kerajaan baaru-baru ini telah dapat dielakkan kerana para doktor mempunyai rasa tanggungjawab yang kuat terhadap kesejahteraan rakyat. Kerajaan haruslah bertindak segera untuk menyelidiki punca-punca timbulnya perasaan tidak puas hati ini. Janganlah hendaknya Kerajaan menduga kesabaran mereka.

Berkenaan dengan jurutera-jurutera pula, setahu saya sungguhpun terdapat banyak kekosongan jawatan di jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun tetapi entah apa sebabnya sebilangan besar jurutera-jurutera pula diambil berkhidmat dengan kontrek sementara. Ramai jurutera telah meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan dan lebih ramai lagi yang bermaksud hendak meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan untuk menyertai sektor swasta. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada Kerajaan meneliti dengan segera rungutan dan pengaduan mereka jika Kerajaan ingin mewujudkan suasana yang lebih sesuai supaya golongan ini memberi sumbangan yang lebih besar terhadap masyarakat kita. Kalau tidak bukan sahaja kita tidak akan dapat menggalakkan penyelidikan sains dan teknologi dan

mencapai taraf teknologi yang lebih tinggi malah sebaliknya kita akan menjadi mundu disebarkan oleh pembaziran bakat-bakat yang menyimpan perasaan keciwa dan tidak puas hati.

Tuan Yang di-Pertua, sikap acuh tak acuh dan apathetic Kerajaan inilah yang telah menyebabkan penghijrahan sarjana kita keluar negeri dalam dekat yang lalu. Mereka meninggalkan tanahair bukan kerana mereka tidak taat setia kepada negara tetapi kerana mereka merasa kecewa dan kekurangan peluang untuk memperkembangkan bakat mereka. Mereka rasa bahawa mereka tidak akan menikmati kepuasan pencapaian dan prestasi individual jika mereka terus berkhidmat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri tidak menyokong mereka yang berhijrah dan saya rasa warganegara Malaysia yang sejati tidak patut berhijrah. Namun demikian, orang-orang yang berhijrah itu memang mempunyai alasan-alasan yang baik selain daripada ketidak taatsetiaan. Bagaimanapun hanya golongan kecil sahaja yang telah berhijrah. Mereka itu adalah terdiri daripada sarjana sarjana yang paling berbakat dan kebanyakannya mereka itu kebetulan adalah dari kaum Cina. Sungguh susah hati saya melihat pada masa yang lampau perkara ini telah berulang kali dibangkitkan untuk mempersoalkan taat setia keseluruhan kaum Cina di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika saya diizinkan meminjam satu ungkapan Inggeris maka saya menganggap "This is the most unkind cut of them all". Ini merupakan penghinaan dan pekerjaan yang keterlaluan terhadap maruah sebuah komuniti yang sejak dari permulaan sejarah rekod negara ini telah membanting tulang, bertungkus lumus, bermandi pelu, mengalirkan darah untuk membangunkan negara kita.

Oleh yang demikian, saya ingin mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini melafazkan bantahan kaum Cina atas penghinaan yang berterusan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menunjukkan di sini bahawa Rukunegara sebenarnya melarang kita mempersoalkan

ketaatan kaum lain. Jika benar-benar terdapat sesiapa yang tidak taat setia kepada negara di antara kita, maka tangkaplah mereka dan dakwalah mereka di mahkamah atas tuduhan pengkhianatan. Seluruh rakyat pasti akan menyokong tindakan seperti ini tetapi janganlah mempersoalkan atau mengsyaki ketaatan seluruh komuniti kita kerana tuduhan semacam ini tidak akan menyumbang terhadap usaha untuk membina sebuah negara yang bersatu-padu.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik ke pokok bicara saya tadi, saya merasa adalah mustahak bagi kita mengkaji tentang keperluan kita di masa depan dan merumuskan strategi sekarang juga untuk mengukuhkan kedudukan kita di dalam komunikasi antara-bangsa. Masa depan kita tidak syak lagi adalah alamat bergantung kepada teknologi. Sikap dan kebudayaan kita hendaklah disesuaikan untuk mengutamakan perkembangan teknologi. Kemahiran dan teknik-teknik yang baharu hendaklah dipelajari serta dipergunakan. Tambahan pula kita boleh mencapai kejayaan ekonomi yang memberi dorongan kepada pertumbuhan perusahaan otak atau ilmu pengetahuan melalui perkembangan penyelidikan dan inovasi. Negeri Jepun adalah satu contoh yang baik. Mereka tidak mempunyai apa-apa sumber yang bernilai ilmu pengetahuan dan kemahiran. Jika kita mengamalkan dasar pandang ke Timur dengan bersungguh-sungguh dan berani untuk mewujudkan syarat-syarat atau keadaan yang sesuai bagi menghadapi masa depan, maka apa yang dapat kita ciptakan nanti sudah tentu lebih dari hanya sebuah kereta buatan Malaysia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan teknologi, sukalah saya menyentuh tentang satu lagi perkara yang berkaitan dengannya iaitu pemindahan teknologi dan perkembangan teknologi tempatan. Ramai orang telah menyalah-ertikan maksud dasar pandang ke Timur dan tidak sedar akan bahaya meniru dan menurut secara buta. Dalam memberi kontrak turnkey kepada orang-orang asing untuk melaksanakan

projek-projek pembinaan raksaksa, kita hendaklah meneliti kualiti dan kuantiti apa yang dikatakan pemindahan teknologi itu. Kita mesti mengkaji teknologi dalam bidang apakah dipindahkan. Berapakah kakitangan Malaysia yang terlibat, terutamanya dalam proses membuat keputusan mereka dan apakah peranan yang dimainkan oleh orang-orang Malaysia di dalam keseluruhannya?

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti meneliti harga yang terpaksa kita bayar untuk memandang ke Timur. Misalnya dengan menyerahkan projek turnkey kepada orang-orang asing, kita telah menyebabkan pengaliran tukaran wang asing yang banyak ke luar negeri. Kita juga telah merampas peluang pertumbuhan pakar-pakar tempatan dan kita telah mengorbankan syarikat-syarikat perdagangan tempatan untuk membekalkan bahan-bahan binaan yang dikehendaki. Dengan kata lain, kita telah mengabaikan sumber-sumber pembekalan bahan-bahan dan perkhidmatan tradisional dan dengan itu jurutera dan pembekal-pembekal serta pemborong-pemborong tempatan didapati bahawa mereka tidak berpeluang meyertai perkembangan perusahaan ini lagi. Pertumbuhan bakat-bakat dan perusahaan-perusahaan tempatan amat bergantung kepada peluang-peluang penyertaan. Di Malaysia kita mempunyai banyak bakat tempatan. Apa yang perlu dibuat ialah memberi bimbingan dan peluang kepada mereka supaya mereka dapat menandingi syarikat-syarikat Jepun di satu-satu masa kelak. Jika mereka tidak diberi peluang langsung maka mereka akan tetap mundur dan tidak akan berkembang kerana secara psikologi mereka telah dikalahkan. Mereka hendaklah diberi peluang untuk bertumbuh dan Kerajaanlah yang patut memberi peluang kepada mereka kerana projek-projek Kerajaanlah yang biasanya besar. Kerajaan boleh menggalakkan golongan profesional menubuhkan kumpulan-kumpulan yang cukup besar dan kuat untuk bersaing dengan orang-orang asing. Inilah masa yang baik untuk memupuk bakat-bakat tempatan dan menolong mereka mencapai kemajuan selaras dengan cita-cita kita mencapai kebesaran dan keagungan.

Tuan Yang di-Pertua, berkata tentang bakat-bakat tempatan, kita mesti juga menyentuh tentang asas-asas pelajaran. Kita mesti mempunyai satu sistem pelajaran yang kukuh dan maju untuk menghasilkan manusia yang bercita-cita besar di negara yang membangun ini. Negara kita ini ialah negara yang agak muda. Penduduk-penduduk kita adalah muda dan dahagakan ilmu pengetahuan kerana mereka ingin sangat mencapai kemajuan setaraf dengan rakyat di lain-lain negara. Janganlah hendaknya kita membunuh semangat keghairahan rakyat kita untuk maju. Saya berharap Kerajaan akan mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk memenuhi kehendak rakyat untuk memperkembangkan bakat (potency) mereka.

Selain daripada usaha Kerajaan untuk mendirikan universiti-universiti, pihak swasta juga hendaklah digalakkan untuk mengambil inisiatif bagi mendirikan pusat-pusat pengajian tinggi. Tuan Yang di-Pertua, saya menaruh kepercayaan kepada pragmatism Kerajaan. Jika keseluruhannya sikap kita adalah betul dan jika mempunyai fikiran yang terbuka dan memberikan kebebasan intelek-intelek kepada rakyat untuk berkembang dan mencipta maka saya rasa pasti akan dapat kita bersama-sama membina sebuah negara yang agung dengan rakyat Malaysia yang agung.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong usul yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bagan Datok.

5.59 ptg.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok): Bismillahirrahmanirahim. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin menyampaikan ucapan sulung saya dalam Dewan yang mulia ini dan saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah dengan izinNya dapat saya turut sama menyokong Anggaran Belanjawan 1983 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah selaku Menteri Kewangan Malaysia yang pada pendapat saya begitu arif

dan bijaksana dapat membuat satu Belanjawan yang realistik, tepat dan sesuai dengan keadaan prestasi ekonomi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad meneraju Kerajaan selaku Perdana Menteri dan dibantu oleh Yang Amat Berhormat Dato Musa Hitam selaku Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan, beserta dengan Menteri-menteri Kabinetnya, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen beserta seluruh pegawai dan kakitangan jentera Kerajaan yang berasaskan kepada amalan Kerajaan "bersih, cekap dan amanah" telah membuat suatu perubahan yang baharu di mana setiap langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional adalah mengikut kehendak dan aspirasi rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan semua Menteri-menteri menjalankan dan mengamalkan pelaksanaan perancangan kerja mengikut kenyataan. Oleh itu kita dapati bahawa Belanjawan yang di hadapan kita ini yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan adalah suatu Belanjawan yang berjimat-cermat. Ini dapat kita buktikan dengan angka-angka pengurangan Belanjawan 1983 dengan tahun 1982.

Bagi tahun 1982, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah memperuntukkan wang sebanyak \$31,951 juta berbanding dengan tahun 1983 hanya sebanyak \$28,749 juta, kekurangan sebanyak \$3,200 juta daripada tahun yang lalu. Pengurangan Belanjawan ini membuktikan Kerajaan sentiasa membelanjakan wang rakyat dan wang negara mengikut kehendak rakyat dan keperluan negara, dengan mengambil kira tidak menjejaskan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan serta mengambil kira tidak membantutkan pembangunan keperluan asas untuk rakyat jelata, seperti keperluan jalan, air dan api elektrik serta pembangunan ekonomi dan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya semua pihak termasuk parti-parti Pembangkang seperti DAP dan lain-lain mestilah

menyokong penuh dan memberikan pandangan serta teguran yang membina terhadap Belanjawan yang sedang dibahaskan ini kerana pada saat ini prestasi ekonomi Malaysia terus merosot dengan barangan eksport terus jatuh, hasil Kerajaan juga jatuh disebabkan oleh kemelesetan ekonomi antarabangsa. Namun begitu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah dapat membuat satu Anggaran Belanjawan bagi melindungi ekonomi Malaysia daripada kesan buruk kemelesetan ekonomi dunia.

Dengan berasaskan kepada memperkemas dan memperkukuhkan kedudukan kewangan Belanjawan Kerajaan Persekutuan, dengan memperbaiki dan memperkukuhkan imbangan bayaran serta mengekalkan kestabilan harga, saya yakin dan percaya kemakmuran rakyat negeri ini akan terus terjamin, dengan adanya kestabilan politik dan ekonomi.

Oleh kerana negara kita sebuah negara pertanian, saya amat berbangga dengan anggaran yang memberikan keutamaan kepada perbelanjaan pembangunan terutama sekali kepada pembangunan sektor ekonomi, khususnya kepada pembangunan tanah, parit dan taliair iaitu sebanyak \$6,086 juta telah diperuntukkan kepada perkara tersebut. Walaupun negara kita telah mencapai kemerdekaan selama 25 tahun dan Kementerian Pertanian serta agensi-agensi telah diwujudkan, seperti MARDI, LPP, RISDA, FELCRA dan sebagainya, tetapi keadaan, khususnya parit-memarit di luar bandar masih perlu diperlipatgandakan usaha-usaha memperbaikinya kerana infrastruktur berkenaan dengan pembangunan tanah adalah sangat penting.

Kita dapati bahawa walaupun negeri telah mencapai kemerdekaan dan pembangunan tanah telah diwujudkan, tetapi di kampung-kampung khasnya di dalam kawasan saya sendiri masih ada kawasan-kawasan yang belum ada parit dan belum ada jalan yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita adalah terkenal dengan negara yang boleh ditanamkan dengan berbagai-bagai jenis

tanaman. Untuk perhatian, khasnya Kementerian Pertanian atau Yang Berhormat Menteri Pertanian, tanaman kelapa adalah satu tanaman asal negara ini. Di seluruh Semenanjung Malaysia tanaman ini melibatkan lebih daripada 100,000 keluarga pekebun kecil kelapa dengan tanggungan lebih daripada 1 juta penduduk negara ini, dengan keluasan 230,000 hektar tanah, maka tanaman kelapa tidak patut dianggap tidak penting kerana ianya termasuk dalam tanaman yang diwartakan oleh Kerajaan. Ini dapat dibuktikan di dalam gran hakmilik terutama di kawasan rizab Melayu yang mana tanaman yang dibenarkan ialah kelapa. Tanaman kelapa merupakan hasil pertanian yang keempat pentingnya di dalam negara kita.

Pertama ialah kelapa sawit, yang kedua getah, yang ketiga padi dan yang keempat kelapa. Tanaman ini pada masa yang lalu begitu cerah sehingga pokok kelapa dianggap sebagai tanaman serbaguna. Di waktu akhir-akhir ini pekebun kecil kelapa merasakan amat keciwa kerana kemerosotan harga barangan tersebut yang disebabkan oleh beberapa faktor.

Pertama, akibat daripada kemelesetan ekonomi dunia yang mengurangkan permintaan untuk semua barangan termasuk minyak kelapa dan kelapa kering.

Kedua, saingan daripada berbagai jenis minyak makan daripada bijian seperti minyak soya dan sebagainya.

Ketiga, ketiadaan usaha yang gigih daripada Kerajaan atau agensinya dalam usaha mempelbagaikan penggunaan kelapa kerana kita tahu bahawa kelapa boleh dipelbagaikan kegunaannya. Kemerosotan harga ini berkemungkinan dapat diatasi sekiranya Kerajaan menerima cadangan-cadangan yang saya sebutkan di bawah ini:

- (1) Jangkaan penurunan stok minyak kelapa dan lemak di dunia berbanding dengan penggunaan didapati benar. Terdapat "Kelarasi" yang sempurna di antara stok dan harga dan telah dijangkakan bahawa dengan pengecualian kelapa sawit dan minyak

isi kelapa sawit, stok dan harga untuk kebanyakan minyak dan lemak akan menurun ke paras yang paling rendah.

- (2) Permintaan daripada Amerika Syarikat dan Eropah dan juga permintaan daripada USSR dan juga India terus bertambah baik di mana ia boleh mengurangkan stok yang ada dan bertambah di Filipina.
- (3) Kesan daripada ribut-ributan "Irma" di mana terjadi kawasan pengeluaran kelapa yang penting di Filipina pada tahun 1981.
- (4) Pulihnya ekonomi dunia.
- (5) Dengan adanya usaha yang intensif ke arah mempelbagaikan penggunaan kelapa dan memodenkan industri kelapa.
- (6) Menyekat import minyak daripada bijian dan mengadakan stok penimbal oleh Kementerian Perusahaan Utama, agensi Kerajaan seperti FAMA dan LPP hendaklah mengembelingkan tenaga di dalam usaha memasarkan kelapa bulat.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang kampung, khasnya pekebun-pekebun kecil kelapa di seluruh negara pada hari ini berasa amat sedih oleh kerana harga sebiji kelapa iaitu 2 sen. Jika dibandingkan dengan sebiji telur ayam atau telur itik 20 sen, maka pekebun kecil kelapa kena menjual sepuluh biji kelapa barulah dapat sebiji telur ayam. Bayangkanlah Tuan Yang di-Pertua.

Di sini juga saya ingin menerangkan bahawa kelapa biji, di kampung-kampung 2 sen tetapi apabila kita beli di bandar, di Kuala Lumpur, di Ipoh atau di mana sahaja bandar, harga kelapa biji ialah 50 sen. Begitu juga dengan harga minyak kelapa, kelapa mentah ataupun kelapa biji harganya sebiji 2 sen tetapi bagi sebotol minyak kelapa harganya \$1.80 sen.

Maka di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya benar-benar ingin menyampaikan hasrat daripada pekebun-pekebun kecil iaitu rakyat jelata supaya FAMA atau LPP atau Kementerian Pertanian berganding bahu

dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya memainkan peranan yang benar-benar untuk meninggikan harga kelapa di seluruh negara.

Sayugialah diingatkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak \$62.2 juta telah diperuntukkan kepada rancangan pemulihan dan tanaman semula kelapa tetapi apabila pengeluaran kelapa begitu baik dengan subsidi baja dan sebagainya, apabila penghasilan kelapa agak baik tetapi pemasarannya tidak ada. Ini menunjukkan bahawa kerjasama di antara Kementerian Pertanian dan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan serta badan-badan agensi seperti FAMA patut diselaraskan supaya sesuatu projek atau rancangan Kerajaan itu tidak hanya diwujudkan dari segi memperbanyakkan penghasilan tanpa memikirkan dari segi proses dan juga dari segi pemasarannya. Oleh itu, Kerajaan hendaklah memandang berat kepada masalah dan nasib pekebun kecil kelapa ini kerana di samping menghadapi masalah harga pekebun-pekebun kecil juga menghadapi masalah tenaga pekerja. Jika sebarang langkah tidak diambil oleh pihak Kerajaan, saya bimbang tanaman ini akan hapus dan tegasnya di kala tanaman kelapa ini memerlukan seluruh bantuan ataupun pembelaan, maka segala bantuan-bantuan sebanyak mana yang dapat haruslah dicurahkan.

Saya sangat berterima kasih kepada Menteri Kewangan dan pakar-pakar ekonomi yang telah membuat sesuatu iaitu Cukai Eksport ke atas kelapa kering sebanyak 15% telah dihapuskan. Saya berharap kepada pembeli atau penjual atau pengeksport kelapa kering ini agar dapat berasa belas kasihan kepada pekebun kecil sebagai pengeluar kelapa supaya mendapat harga kelapa itu dinaikkan.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya memperkatakan tentang perkara pertanian mengenai kelapa dan koko kerana ini melibatkan penduduk kawasan saya, pekebun kecil yang seramai hampir 100,000 orang dari semua bangsa Melayu, Cina dan India dan bukan sahaja perusahaan kelapa dan koko ini berada di negeri Perak bahkan juga di beberapa buah negeri lain iaitu seperti di

Selangor, Johor, Pahang, Sabah dan Sarawak. Maka izinkanlah pula saya menyentuh beberapa Kementerian sebagai jentera Kerajaan yang akan membelanjakan semua wang yang kita luluskan di dalam Belanjawan 1983 ini.

Sebelum daripada itu, sukalah sedikit saya menyentuh satu perkara iaitu berkenaan dengan sedikit ketinggalan yang saya sebutkan tadi iaitu perusahaan koko di Malaysia. Ini adalah satu perusahaan yang baru, ianya berkembang dengan pesat di dalam tahun 70an dan dalam tahun 1971 jumlah keluasannya adalah sebanyak 18,513 ekar sahaja tetapi jumlah ini meningkat kepada 103,854 ekar dalam tahun 1980. Keluasan ini akan bertambah lagi di masa yang akan datang di mana MARDI telah menganggarkan sejumlah 1.5 juta ekar di Semenanjung Malaysia adalah sesuai ditanam dengan koko. Berhubung dengan bertambahnya kawasan yang ditanam itu didapati pengeluarannya juga bertambah dan lebih daripada 85% hasil pengeluarannya dieksport dan selebihnya digunakan oleh pengilang-pengilang koko tempatan. Walaupun pada masa ini harga pemasaran koko merosot tetapi mempunyai potensi di masa hadapan. Oleh yang demikian, apakah langkah bersepadu di antara Kementerian Pertanian dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di dalam usaha menstabilkan harga barangan ini? Saya suka menyarankan supaya diwujudkan sebuah Lembaga dengan nama "Lembaga Koko Negara" seperti mana agensi yang diwujudkan seperti RISDA bagi pekebun kecil getah, begitu juga Lembaga Tembakau Negara bagi Peladang tembakau sedangkan Kerajaan pada hari ini melaung-laungkan kempen anti-merokok ada Lembaga Tembakau Negara, sedangkan koko ini menjadi bahan makanan mewah yang mempunyai masa hadapan yang cerah tidak diwujudkan sebuah badan yang melindunginya. Saya berharap agar Kementerian-kementerian berkenaan dapat memberi perhatian yang itu di dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon izin pula untuk menyentuh beberapa Kementerian sebagaimana yang saya katakan

tadi kerana Kerajaan akan membelanjakan semua wang yang akan kita luluskan dalam Belanjawan 1983 ini.

Kementerian pertama yang ingin saya perkatakan ialah Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan adalah Kementerian paling penting bagi negara kita kerana kita yakin dan percaya sekiranya keamanan negara sudah terancam, keamanan negara sudah tidak ada, negara telah ditawan oleh musuh, peperangan telah berlaku, sebagaimana pengalaman dan sejarah negara kita ditawan oleh tentera Jepun dan pengalaman negara kita menghadapi ancaman komunis Cina sejak tahun 1948 dan kesannya masih kita rasai sehingga hari ini.

Jika nasi sudah menjadi bubur kesalan tidak ada gunanya lagi dan segala apa yang telah kita rancangan dan meluluskan Belanjawan hampir \$27 billion ini tidak ada gunanya lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua rakyat Malaysia terdiri daripada berbilang kaum yang sangat susah hendak diperintah oleh Kerajaan sudah sepatutnyalah kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada pengorbanan angkatan tentera dan pasukan pertahanan kita yang bersabung nyawa sama ada di perbatasan sempadan, di dalam hutan belantara dan di dalam bandar sentiasa menjaga keamanan negara yang begitu terpuji sekali, sehingga kita dapat hidup bersenang-lenang menikmati kekayaan negara Malaysia yang tercinta ini.

Di samping itu, terdengar pula cadangan pihak Pembangkang dari DAP mengatakan perbelanjaan untuk Kementerian Pertahanan ini terlalu besar.

Saya ingin bertanya kepada wakil-wakil Pembangkang DAP, adakah mereka itu sedar bahawa ancaman komunis dan subversif serta golongan anti-nasional negara kita sentiasa dan masih terus mengancam keselamatan negara. Maka dengan ancaman ini, peruntukan kepada Kementerian Pertahanan ini bukan sahaja patutlah dikekalkan tetapi saya mencadangkan patut ditambah lagi. Angkatan tentera kita, diperkemaskan lagi dan diperlengkapkan dengan alat peperangan yang moden serta disiplin yang lebih kuat lagi. Ini sangat perlu diambil perhatian oleh Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Pertahanan dan kepada bapak-bapak jeneral supaya sentiasa menjaga askar-askar kita di dalam satu rancangan menentang komunis dan subersif serta anti-nasional untuk memberi askar-askar kita menghisap dadah.

Saya ingin mendapat kepastian daripada Menteri Pertahanan, sehingga ini berapa banyak kes-kes dadah yang telah berlaku kepada angkatan tentera kita? Saya berasa dukacita peruntukan Kementerian Pertahanan ini dikurangkan daripada tahun 1982 sebanyak \$960 juta. Saya berharap perkara ini dapat ditimbang semula oleh Menteri Kewangan dan menyemak semula akan peruntukan Kementerian Pertahanan ini. Perkara ini saya cadangkan kerana Kementerian ini terlibat dalam membantu negara dalam keadaan kecemasan seperti banjir dan bekerjasama dalam pelaksanaan proses pembangunan negara, bukanlah disediakan untuk hanya menghadapi peperangan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan daripada wakil Pembangkang DAP supaya kerahan tenaga rakyat diwujudkan dan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk persediaan mempertahankan negara apabila diserang oleh musuh, saya bangkang dengan sekeras-kerasnya Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan jangan sekali-kali melancarkan kerahan tenaga rakyat kerana kita takut musuh dalam negeri kita sendiri akan membuka pintu kepada musuh daripada luar. Kita takut kerahan tenaga rakyat yang kita cuba laksanakan itu akan terlepas kepada anasir subversif, anti-nasional yang masih ada dalam bandar kita, sedangkan kita tidak melatih mereka menggunakan senjata dan sebagainya. Kita dapati peristiwa menganas oleh gangster yang mengancam keselamatan rakyat dan negara sering berlaku, apatah lagi jika Kerajaan melancarkan kerahan tenaga rakyat ini samalah seperti kata pepatah orang-orang Melayu seperti orang mengantuk disorongkan bantal. Negara kita masih ada musuh di dalam selimut, negara kita masih ada orang yang berpura-pura seperti kata pepatah: pepat di luar rencong di dalam. Ini

dapat kita buktikan dalam satu sejarah yang benar-benar berlaku seperti Peristiwa di Balai Polis, Bukit Kepong.

Saya mencadangkan kepada Kementerian Penerangan yang akan menayangkan gambar filem pada malam besok 4hb November, 1982 di Dewan RISDA, Jalan Ampang yang mana kita Yang Berhormat-Yang Berhormat telah dijemput untuk menyaksikan tayangan filem iaitu bersempena dengan Filem Festival ASEAN. Saya cadangkan supaya filem yang dicadangkan daripada Thailand ditukarkan dengan sebuah filem iaitu Peristiwa di Bukit Kepong supaya kita dapat menyaksikan semula peristiwa berdarah yang benar-benar berlaku di Bukit Kepong itu.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keselamatan negara kita yang sekarang ini diancam oleh komunis, terutama sekali daripada sebelah utara, saya mencadangkan supaya ketenteraan kita diperbanyakkan lagi, terutama sekali, Tuan Yang di-Pertua, Askar Melayu Di-Raja patut diperbesarkan daripada apa yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya memperkatakan Kementerian Pertahanan ini sekarang, izinkanlah saya untuk memperkatakan tentang Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang kedua pentingnya bagi rakyat di negara Malaysia yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah Kementerian yang kedua pentingnya bagi rakyat dan negara. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kecekapan, kebersihan dan keamanan kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri serta Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Setiausaha Parlimen serta kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pasukan Polis Di-Raja Malaysia serta kakitangan Jabatan-jabatan lain di dalam Kementerian ini yang menjalankan tugas dengan bersih, cekap dan amanah. Walaupun Kementerian ini dicabar dengan begitu hebat sehinggakan dalam perbincangan Belanjawan sekarang inipun, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dapat menangkis segala serangan dari Yang

Berhormat sama ada penyokong Kerajaan ataupun daripada Pembangkang DAP yang sangat keterlaluan. Tetapi syabas kepada Timbalan Menteri tersebut, kegemilangan pihak Polis dan juga pihak Polis Cawangan Khas dapat mengawal dan membenters segala anasir komunis, subversif dan anti-nasional yang ingin bermaharajalela, sangat disanjung tinggi dan kita patut didoakan kepada Allah s.w.t. supaya mereka ini sentiasa selamat menjalankan tugas negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperkatakan tentang kelonggaran Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam meluluskan permohonan kerakyatan yang diketahui di dalam Dewan yang mulia ini telah meluluskan sebanyak 2 juta orang. Ini sangat-sangat mengejutkan saya dan di dalam proses untuk ditimbang sebanyak 19,000 orang masih ada lagi belum diluluskan. Saya berpendapat dengan pertumbuhan tambahan penduduk warganegara ini sensiri pun setiap tahun kita telah mencapai bilangan rakyat sebanyak 14 juta. Saya ada mendengar pertanyaan yang menimbulkan ada permohonan kerakyatan untuk menjadi warganegara ini hampir 5-6 tahun belum diluluskan lagi.

Saya cadangkan supaya permohonan yang sudah begitu lama dikaji dan diteliti tentulah ada yang sangat berat untuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hendak meluluskan, maka cadangan saya hantarkan sahajalah surat rasmi menolak permohonan mereka itu dan untuk memproses permohonan yang sebanyak 19,000 orang yang belum lagi selesai itu, saya cadangkan permohonan baru untuk kerakyatan ini ditutup sehingga selesai permohonan yang 19,000 itu diproses.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isteri warganegara yang berkahwin dengan orang yang bukan warganegara, peraturan yang ada sekarang untuk dikaji permohonan mereka untuk kerakyatan selepas 5 tahun berkahwin dengan suami hendaklah dikaji dan ditambah kepada 10 tahun, Selepas 10 tahun barulah kita kaji sama ada kita benarkan atau tidak dan disyaratkan barulah permohonan mereka ditimbang.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, mengenai permohonan paspot-paspot perjalanan antarabangsa dan paspot ke Singapura. Saya ingin bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tidakkah perlu syarat-syarat ketat patut diwujudkan mulai daripada sekarang kepada permohonan-permohonan paspot ini, kerana saya dapati orang-orang Cina yang memohon paspot ini terlalu ramai bilangannya, iaitu di Pejabat Imigresen di Ipoh tidak kurang daripada 400 orang sebulan. Di Lumut 200 orang sebulan dan di Telok Intan 200 orang tiap-tiap bulan. Ini menunjukkan jumlah di dalam negeri Perak sahaja setiap bulan paspot perjalanan terpaksa diberikan sebanyak 800 orang sebulan. Yang anihnya, Tuan Yang di-Pertua, paspot-paspot perjalanan tersebut tidak digunakan selepas paspot mereka ini diluluskan oleh pihak Imigresen. Ini dapat dibuktikan semasa mereka atau pemegang-pemegang paspot ini membaharui semula paspot itu setiap lima tahun. Apakah tujuan mereka saya kurang faham, tetapi dapatlah saya katakan ketaatan mereka kepada negara ini benar-benar taat sedangkan persediaan untuk meninggalkan negara ini apabila berlaku sesuatu perkara yang tidak aman, mereka akan tinggalkan negeri ini dan selepas negeri ini sudah aman mereka akan balik menikmati kekayaan di dalam negeri ini. Saya berharap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri meneliti dan mengkaji serta mengambil tindakan sewajarnya.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, ialah peristiwa peguam luar negeri yang datang baru-baru ini ke negara kita untuk mendesak Kerajaan menghapuskan ISA

Saya berpendapat orang-orang asing tidak boleh mencampuri urusan undang-undang negara kita. Pihak Imigresen sepatutnya jangan memberi keizinan mereka masuk ke negara kita, apabila sampai sahaja di Lapangan terbang Subang suruhlah mereka itu balik. Saya berharap di masa akan datang perkara ini tidak berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ini juga patut memberi layanan dan kelengkapan yang moden kepada Pasukan Polis Di Raja kita, memandangkan

bilangan rakyat Malaysia yang telah begitu besar untuk Pasukan Polis kita menjaga keamanan negeri dengan cekap yang mendapat kepujian serta penghargaan sebagai Pasukan Polis yang terbaik di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian yang ketiga yang ingin saya perkatakan sekarang ialah yang ketiga pentingnya iaitu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Semenjak kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka, negara kita dijajah oleh penjajah barat daripada tahun 1511 hingga kita mencapai kemerdekaan tahun 1957, iaitu selama 446 tahun orang-orang kampung di luar bandar menderita hidupnya, orang-orang kampung yang peratus besarnya bumiputra Melayu sangat daif kehidupannya sepanjang masa itu. Tetapi dengan tercapainya kemerdekaan pada tahun 1957 dengan perjuangan UMNO, Perikatan dan sekarang Kerajaan Barisan Nasional, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar diwujudkan oleh Bapa Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Allahyarham Tun Haji Abdul Razak. Maka setahun demi

setahun daripada Rancangan Malaysia Pertama, kepada Rancangan Malaysia yang kedua dan daripada

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa sudah cukup, besok sambung semula.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, besok ada satu hari sahaja lagi untuk perbahasan di atas dasar Usul Belanjawan 1983. Oleh sebab ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat menghadkan ucapan masing-masing kepada 15 minit.

Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Kahmis, 4hb November, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.